# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 45 | RABU 11HB NOBEMBER, 1981. | 1402 رابو 13 محرم | PERCHUMA


## SEBAB BRUNEI TIDAK MEMASOKI M'SIA

**KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien telah mengeluarkan satu kenyataan bagi mengulas tulisan Tunku Abdul Rahman dalam akhbar Watan keluaran hari Jumaat 23hb Oktober, 1981. Kandongan ulasan tersebut ada-lah saperti berikut :**

"FIKIRAN TUNKU MINGGU INI" melalui Akhbar Watan keluaran Juma'at, 23 haribulan Oktober, 1981 Tunku Abdul Rahman menyentoh Brunei sechara bertentangan dengan kenyata'an. Untok memberseh-baharukan ingatan Tunku, sebab pun Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Maulana Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (sekarang di-kenali dengan nama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan) tidak memasokkan Negeri Brunei ka-dalam Malaysia ada-lah saperti berikut : —

a) Tunku Abdul Rahman semasa menjadi Perdana Menteri meminta supaya derma sukarela (voluntary donation) di-jadikan pemberian (gift) dan telah pun di-jawab dengan penjelasan bahawa kalau derma sukarela (voluntary donation) di-jadikan pemberian (gift) itu ada-lah ufti ya'ani Brunei akan menjadi ta'alok rantau pesisir yang di-ta'alok di-dalam peperangan sebagai abdi.

b) Berkena'an dengan soal Yang Dipertuan Agong, menurut sejarah Negeri Brunei, Sultan Brunei tidak pernah menjadi Sultan di-luar Negeri Brunei Darussalam yang berbahagia lagi maju.

c) Ada-lah tidak di-terima oleh akal yang waras, akal yang sehat, Sultan Brunei pada masa itu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Maulana Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berchita2 untok menjadi Yang Dipertuan Agong Malaysia selama 5 tahun bergilir2 dengan membiarkan Negeri Baginda, Brunei Darussalam yang aman, tenteram, berbahagia lagi maju dan mempunyai manusia isi dalam-nya menjadi tanah ta'alok rantau pesisir kapada Malaysia.

d) Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala Negeri Brunei Darussalam tidak masok Malaysia ada-lah muktamat.

**PADA petang hari Selasa (semalam) satu kenyataan yang berasingan bagi menjelaskan Bahagian 'C' dalam ulasan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang di-nyatakan di-atas telah di-keluarkan saperti berikut :**

Sebagai penjelasan kapada bahagian c) dalam ulasan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien terhadap keterangan (statement) Tunku Abdul Rahman melalui Akhbar Watan keluaran Jumaat, 23 haribulan Oktober, 1981 dan untok pengetahuan ramai supaya tidak mengelirukan, ini-lah di-ulangkan text tersebut : —

c) Ada-lah tidak di-terima oleh akal yang waras, akal yang sehat, Sultan Brunei pada masa itu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Maulana Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berchita2 untok menjadi Yang Dipertuan Agong Malaysia dengan membiarkan Negeri Baginda, Brunei Darussalam yang aman, tenteram, berbahagia lagi maju dan mempunyai manusia isi dalam-nya menjadi tanah ta'alok rantau pesisir kapada Malaysia.

d) Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala Negeri Brunei Darussalam tidak masok Malaysia ada-lah muktamat.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menarek tirai penutop papan perasmian sa-bagai menandakan rasmi-nya pembukaan masjid tersebut.

## KUKOHKAN SILATULRAHIM

### — Sabda D.P.B.

**Oleh: Jaafar Ibrahim**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menyeru umat Islam terutama sekali pendudok2 Kampong Burong Pingai Ayer supaya menjadikan masjid sa-bagai lambang perpaduan yang berkesan.

Lambang perpaduan itu. sabda Yang Teramat Mulia, termasok-lah pada mengukohkan silatulrahim dan mengeratkan tali persaudaraan di-antara sa-sama umat Islam kerana menurut Yang Teramat Mulia, silatulrahim itu sangat-lah mustahak bagi kita dalam kehidupan sa-hari2.

Menurut Yang Teramat Mulia itu lagi, ini ada-lah sesuai dengan maksud hadith Nabi Mohammad s.a.w. yang bermaksud "Bahawasa-nya silatulrahim itu sa-olah2 bergantong di-arash, dan barangsiapa yang menyambongkan-nya maka Allah s.w.t. akan menyambongkan diri-nya dan barangsiapa yang memutuskan-nya maka Allah s.w.t. akan memutuskan diri-nya."

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menyeru demikian ketika bersabda merasmikan pembukaan Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mo'ti, Kampong Burong Pingai Ayer yang telah di-adakan di-sini pada hari Jumaat 6hb Nobember lepas.

"Berdasarkan pengajaran Rasulullah s.a.w. itu maka di-hari yang baik dan bersempena dengan upachara pembukaan rasmi Masjid Pehin Datu Imam Abdul Mo'ti ini saya sukachita menganjorkan supaya umat Islam seluroh-nya sentiasa mengukohkan silatulrahim dan sentiasa berusaha untok mengeratkan tali persaudaraan dan pada membaharui hubongan kaum kerabat, sanak saudara, sahabat handai, bermaaf-maafan serta melupakan perkara yang pernah menjadi pertengkaran dan perselisehan," sabda Yang Teramat Mulia.

Menyentoh mengenai de-

Lihat muka 4

## *Sifat takwa kpd Allah perlu ada bagi orang Islam*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama menegaskan bahawa sifat takwa kapada Allah ada-lah mustahak dan perlu ada pada pemimpin2 masharakat, ahli jawatankuasa masjid, ibubapa dan penjaga murid.

Kerana kata-nya, tanpa takwa kapada Allah adalah di-khuatiri akan timbul sifat2 bermuka-muka dan sifat "pepat di-luar renchong di-dalam".

Lihat muka 20

### Manis-nya Iman

"HUBAYA2-LAH kamu dari hasad dengki kerana hasad dengki itu 'memakan' kebaikan2 saperti api 'memakan' kayu — HADITH Nabi dari Abu Hurairah.

## JANGAN MEMBAZIRKAN TENAGA LETRIK

Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

11HB NOBEMBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PERKARA KERAAYATAN

ORANG2 asing di-negeri ini terutama-nya dari kaum China menjangka bahawa kemerdekaan penoh yang akan di-chapai pada penghujong tahun 1983 membawa sa-suatu perubahan dalam status mereka. Umom-nya terdapat harapan bahawa dengan kemerdekaan tersebut mana2 orang yang bukan warga negara akan sa-chara otomatis menjadi warga negara, atau pun akan ada sebarang perubahan ka-atas sharat2 menjadi warga negara dalam Undang2 Taraf Kebangsaan Negeri Brunei 1961.

Nyata-nya jangkaan itu tidak berasas. Ketua Pegawai Penerangan dalam taklimat-nya kapada 40 orang pemimpin masharakat China minggu lepas telah menjelaskan bahawa orang2 yang bukan warga negara tetapi mempunyai kediaman tetap di-negeri ini akan terus di-benarkan tinggal di-sini dan tidak akan sa-chara otomatis menjadi raayat atau warga negara. Mereka boleh memohon — dan akan di-beri — keraayatan jika mereka memenohi sharat2 yang berjalan pada masa ini dalam peruntokan Undang2 Taraf Kebangsaan Negeri Brunei 1961 itu.

Oleh yang demikian, saperti terkandong dalam kenyataan rasmi Ketua Pegawai Penerangan kapada mereka itu, perkara keraayatan tidak lagi sa-patut-nya di-jadikan isu oleh orang2 asing termasok-lah oleh orang2 China. Perkara itu sudah lama di-tetapkan sa-chara undang2 dan berjalan dengan baik di-mana semenjak ia di-kuatkuasakan pada 1hb Januari, 1962 sudah ada sa-ramai lebeh 21,000 orang telah di-beri taraf keraayatan. Langkah yang bijak untok di-ambil oleh mereka ia-lah berusaha melayakkan diri memenohi sharat2-nya dan bukan sa-balek-nya menuntut supaya Undang2 itu atau sharat2-nya di-longgarkan.

## TIDAK ADA ASAS SPEKULASI

MASEH dalam kontek masharakat China di-Brunei, taklimat yang di-adakan pertama kali-nya kapada pemimpin2 mereka itu telah memberikan sedikit sa-banyak maalumat balas (feed back) kapada Kerajaan berhubong dengan sa-tengah2 aspirasi orang2 China di-negeri ini. Walau pun perkara keraayatan telah menjadi perhatian utama mereka, namun nyata sekali mereka sangat berhasrat untok terus memberi sumbangan yang bermaana kapada negeri ini. Sa-lain dari itu mereka sa-chara langsong telah di-seru untok menerima baik ketetapan dan peruntokan dalam Perlembagaan dan Undang2 mengenai ugama rasmi, kuasa memerentah, bahasa rasmi dan mengenai keraayatan — yang mana kesemua-nya itu tidak pernah menjejaskan atau merugikan kepentingan2 mereka sa-bagai raayat atau pendudok yang bernaung di-bawah panji2 kesultanan negeri ini.

Bagi orang2 lain, mungkin taklimat yang di-adakan kapada pemimpin2 masharakat China itu akan di-spekulasikan. Sa-benar-nya tidak ada asas2 untok sebarang spekulasi, dan sepanjang soal-jawab di-dalam-nya termasok-lah perbualan2 sewaktu jamuan makan malam yang di-berikan oleh YAB Pemangku Menteri Besar kapada mereka, semua-nya ada-lah perkara biasa dalam rangka usaha Kerajaan, melalui Bahagian Penerangan, memberikan fahaman yang betul kapada orang ramai mengenai hal ehwal Kerajaan.

### Dalam menggubal sa-suatu dasar:

# KETUA2 JABATAN PATUT BERUNDING TERLEBEH DAHULU

**BERIKUT ia-lah uchapan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz di-perjumpaan pertama dengan Ketua2 Jabatan Kerajaan yang berlangsong di-Mess Pegawai Pulis, Gadong pada hari Selasa, 3hb Nobember yang lalu.**

HANYA saya suka menyambong sedikit tentang hal tujuan serta chorak perjumpaan ini yang mana pada masa2 akan datang di-'develop' kapada satu chorak apa pun tetapi kita akan jadikan ia-nya sa-bagai foram. Foram bertukar-tukar fikiran, foram tempat mengketengahkan masaalah2. Dari foram itu-lah nanti akan menjadi salah satu bahan untok sekretariat memikirkan lebeh lanjut pada membisaikan dan menimbulkan apa2 jua yang belum timbul dan sa-harus-nya akan timbul. Jadi-nya foram ini tidak akan membawa ka-suatu rumusan atau keputusan tetapi masaalah itu akan di-ketengahkan sa-berapa detail, sa-berapa lanjut dan sa-berapa yang boleh dengan mengketengahkan apa2 jua asas dan 'facts' yang patut di-bawa kapengetahuan perkumpolan ini.

### LEBEH AWAL

Maka dari sana-lah nanti Insha Allah sekretariat akan meneliti lebeh lanjut dan sa-lain daripada itu saya rasa foram ini juga berguna kapada saya sendiri selaku Pemangku Menteri Besar untok mengeluarkan 'directive' yang lebeh awal daripada surat2 keliling yang harus akan di-keluarkan pada memberikan keterangan2 maksud terhadap 'directive' yang bertulis itu dan memberikan peluang kapada Pemangku Setia Usaha Kerajaan dalam bidang tugas pentadbiran-nya untok mengeluarkan 'directive' yang sama demikian juga kapada YAM Peguam Negara, YB Pegawai Kewangan Negara dan Penasehat Ugama menyentoh sa-takat tugas yang di-berikan kapada-nya.

### FORAM BERGUNA

Sa-lain daripada apa yang di-terangkan oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, kita harap perjumpaan ini akan munchol sa-bagai foram yang berguna kapada kerajaan demi untok memperkukohkan lagi menjunjong apa yang telah di-titahkan oleh Kebawah DYMM untok saterus-nya pada menimbulkan satu pentadbiran yang effisen, chergas, jujor dan amanah.

Sa-lain daripada itu saya ada satu dua perkara yang ingin di-timbulkan dalam perjumpaan yang pertama ini. Pertama ia-lah soal2 'confidentiality', Ketua2 Jabatan faham dan seluroh kakitangan memahami bahawa soal2 'confidentiality' ada-lah satu perkara yang terdapat kelemahan pada masa ini kadang2 perkara2 itu juntrah di-pasar2 dan di-teksi2 baharu keluar sa-chara rasmi. Kadang-kala di-katakan minit 'tender Board' sampai ka-tangan2 kontrektor sa-belum sekretariat membacha-nya. Di-Borneo Bullettin sudah di-keluarkan black listing 10 buah sharikat walau pun perkara itu menjadi publik tetapi implikasi sa-olah2 Borneo Bulletin itu melihat memo yang di-hantar dari sekretariat kapada Ketua2 Jabatan. Saya boleh memberikan chontoh yang lebeh banyak. Tetapi apa yang saya harapkan mulai dari sekarang Ketua2 Jabatan akan menjalankan ikhtiar masing2 di-jabatan-nya untok 'mensedikitkan' walau pun sa-chara beransor2 soal2 mengeluarkan perkara2 yang sa-harus-nya tidak boleh di-keluarkan keluar dari jabatan2 Kerajaan.

### JADI 'KURAPAK'

Saya perchaya perkara ini bukan-lah satu perkara yang rengan dan senang untok di-laksanakan tetapi biar-lah sedikit demi sedikit saya harap Ketua2 Jabatan akan dapat meyakinkan kakitangan-nya masing2 apa lagi perkara yang sulit wahima pun noktah dalam memo yang sulit itu seharus-nya tidak dapat di-jadikan perkurapakan tempat orang2 kahwin, orang beramai2. Seharus-nya apa yang dalam pejabat itu tinggal di-pejabat dan apabila menghadhiri majlis2 yang lain seharus-nya perkara2 yang di-pejabat itu tidak sepatut-nya di-jadikan 'topik' yang popular. Bagaimana mengatasi perkara2 ini saya serahkan-lah kapada kebijaksanaan ketua jabatan masing2 untok melateh, mengasoh, melantor kakitangan-nya dalam hal 'confidentiality' ini.

Menyentoh mengenai dasar kerajaan yang kerap kali di-kritik dan di-bawakan kurapakan kadang-kala oleh pegawai2 rendah mengkritik ketua2 jabatan-nya sendiri pada tempat yang bukan kena untok di-keluarkan saperti di-tempat-tempat orang kahwin dan sebagai-nya. Saya harap ketua2 jabatan akan dapat merenongkan perkara-perkara ini misalan-nya menimbulkan 'sense of participation' dalam jabatan masing2 kerana tiap2 dasar itu walau pun ia-nya di-timbulkan oleh kerajaan sendiri tetapi tiap2 ketua Jabatan mempunyai pengaroh yang tertentu dalam pembentokan sa-suatu dasar misalan-nya Dasar Pelajaran tentu-lah Jabatan Pelajaran akan mempunyai peranan yang penting dalam pembentokan dasar itu demikian juga soal2 muzium, Pos Office tentu-lah asal usol dasar itu ada "feed back" daripada ketua2 pejabat kapada sekretariat.

Jadi-nya dalam menggubal dasar2 yang sademikian ada baik-nya ketua2 Jabatan, saya rasa sa-bagai satu chadangan mengadakan perundingan dengan kakitangan-nya sendiri supaya perasaan 'sense of participation' daripada 'grass-root' sa-belum sa-suatu perkara itu di-hadapkan kapada sekretariat untok di-pertimbangkan. Jadi-nya ini barangkali satu2-nya jalan untok 'minimise' perasaan tidak puas hati di-kalangan pegawai2 kerajaan yang selalu mengkritik sa-bagaimana saya katakan tadi keolahan dan tingkah laku serta tindakan ketua jabatan masing2. Chuma saya chuba menerangkan dan menimbulkan chara2 barangkali ketua2 jabatan lebeh suka menchuba untok menimbulkan perasaan 'participation' dan pada 'to-minimise' kritik2 yang di-hadapkan bukan pada tempat-nya itu.

Jadi dengan ada-nya foram tiap pejabat itu tentu-lah perasaan yang di-buat yang tidak memuaskan hati akan dapat di-hadapkan kapada ketua2 jabatan dan penting-lah ketua2 jabatan itu mempunyai 'open mind' dalam perkara ini sambil mengketengahkan asas2 peratoran yang berjalan pada masa ini.

### WAKTU BEKERJA

Dan soal yang kedua saya ingin timbulkan ia-lah soal2 'working hours' (waktu bekerja). Yang kita semua faham ketua2 jabatan masing2 memerhati banyak pegawai2 dan kakitangan kerajaan 'datang lambat balek awal' sa-tengah jam di-pasar sa-hingga ada di-antara kalangan masharakat terdapat orang2 bekurapak tentang ada-nya sifat dan sikap sa-umpama itu. Apabila masharakat mengetahui yang pegawai itu banyak membuang masa daripada di-pejabat yang mana perkara ini walau pun kechil tetapi boleh memburokkan imej Kerajaan Kebawah DYMM.

### MASAALAH

Saya juga menyedari memang-lah pegawai2 kerajaan ada masaalah2 saperti menghantar anak2-nya ka-sekolah, masaalah trafik dan sa-umpama-nya. Dan Insha Allah perkara ini ada-lah menjadi perhatian kerajaan pada masa ini soal kesesuaian waktu bekerja tetapi jangan sebab ini akan di-jadikan sa-bagai satu alasan kita datang lambat, mengambil masa ka-pasar, balek awal tetapi apa jua waktu bekerja yang telah di-tetapkan itu patut-lah kita mengambil perhatian terhadap kakitangan2 kerajaan supaya jangan menjadi perambahan 'waktu bekerja itu di-jadikan sa-bagai perhiasan sahaja' bukan-lah satu perkara yang akan di-ikuti, dan apa-tah lagi ia akan mengechewakan orang ramai yang berharapkan daripada pegawai-pegawai kerajaan yang sa-chara langsong berhadapan dengan orang ramai.

Itu-lah pada perengkat ini saya suka membawa kapada keperchayaan pegawai2 kerajaan satu soal 'confidentiality' dan kedua soal 'working hours'.

# NILAI SENI DAN BUDAYA HARUS DI-PELIHARA

Oleh: Jahri Haji Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam suasana Negeri Brunei yang pesat membangun dan menuju ka-arah kemerdekaan, ada-lah penting bagi kita untok memelihara dan mempertahankan nilai seni dan kebudayaan sendiri agar tidak di-cherobohi oleh seni2 kebudayaan asing. Kerana bangsa yang di-galati dan di-hormati ia-lah bangsa yang mempunyai kebudayaan sendiri dan tamaddun yang tinggi.

Apa-tah lagi kita orang2 Brunei yang mempunyai kebudayaan tulin yang mempunyai lebeh banyak unsor2 keIslaman di-dalam-nya ada-lah amat sukar untok di-resapi oleh kebudayaan asing.

Demikian di-tegaskan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar ketika merasmikan Pertandingan Tarian Asli Brunei kali ke-7 bagi sekolah2 rendah seluroh negeri anjoran Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran di-Dewan Pusat Tingkatan Enam, Gadong pada hari Ahad lepas.

Sebab itu-lah, menurut beliau usaha Jabatan Pelajaran mengadakan pertandingan tarian asli ini ada-lah amat di-alu2kan, kerana ia-nya bertujuan untok memelihara dan mengekalkan seni tari dan kebudayaan Brunei yang telah di-warisi zaman berzaman.

"Tapi biar-lah tarian2 kita itu benar2 berunsorkan keBruneian-nya yang tersendiri tanpa di-champor adukkan dengan kebudayaan2 kuning," jelas Pegawai Daerah Brunei dan Muara itu.

Mengenai dengan peraduan ini, apa yang membanggakan kapada kita ialah penyertaan sekolah2 Misi, ini kata-nya, telah menunjokkan minat bangsa-bangsa itu pada mengikuti sedikit sa-banyak kebudayaan2 kita Brunei melalui saloran2 persekolahan.

Menurut, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, ini satu tindakan yang bijak dan berkesan untok menggalakkan mereka menyatukan diri dalam kebudayaan kita orang2 Brunei.

Tetapi yang lebeh menggalakkan, tambah beliau ialah kemajuan perkembangan kebudayaan semakin membesar saperti mengajarkan tarian-tarian di-sekolah2 oleh badan2 dan persatuan2 dan jabatan2 saperti Dewan Bahasa dan Pustaka serta Radio dan Talivishen.

Kerana melalui usaha2 saperti ini-lah kita akan dapat mengekalkan seni kebudayaan kita saperti seni tari ini di-warisi oleh jenerasi2 baru kerana ini-lah merupakan satu2-nya warisan bangsa kita yang dapat kita perolehi sejak zaman berzaman.

Menyentoh lagi soal kemerdekaan, beliau menjelaskan bahawa dalam suasana itu nanti kita tidak mahu negeri kita di-sebut dengan negeri yang mempunyai kebudayaan berbilang bangsa atau berbilang kaum, tetapi biar-lah perkataan kebudayaan Brunei yang hanya bersemadi jadi sebutan.

"Ini tidak-lah bermakna bahawa kita menolak kebudayaan suku2 lain-nya di-negara kita ini, malah kebudayaan semua suku baik puak2 Kedayan, Tutong, Belait, Dusun mahu pun puak2 jati semuanya itu ada-lah kebudayaan bangsa kita yang di-sebut kebudayaan orang2 Brunei. Perkara sa-demikian itu tidak-lah menchampori pentadbiran negara kita yang di-anggap dapat mempengarohi tiap2 suku kaum masing2 yang mahu menaikkan kaum-nya saperti di-setengah2 negara luar," jelas beliau.

Dalam pertandingan hari itu, bahagian sekolah2 rendah melayu Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar telah menjadi johan dengan membawakan tarian 'Dang Mengalai' dan tempat kedua jatoh kapada Sekolah Melayu Sungai Kebun dengan tarian 'Dundang-Dundang'.

Manakala dalam bahagian sekolah2 persediaan Inggeris, johan telah di-sandang oleh Sekolah Persediaan Inggeris Dato Godam dengan tarian 'Alus Jua Dindang', kedua Sekolah Menengah Chung Hwa dengan tarian 'Dundang-Dundang' dan Sekolah Persediaan Inggeris Sungai Kebun mendapat tempat ketiga dengan membawakan tarian 'Anding Rimba'.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara juga telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 pertandingan tersebut.

## Lebeh ramai anggota AMDB berkursus

BERAKAS. — Dua orang anggota Kompeni RHQ Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-Hongkong pada 3hb. Nobember lalu bagi mengikuti kursus penempatan di-Ibu Pejabat Pasokan Tentera Gurkha bagi kira2 tiga minggu.

Mereka ia-lah 5147 Sgt. Pengiran Mohammad bin Pengiran Wahid dan 5558 Sgt. Abdullah bin A. Samad.

Sementara itu, berlepas pada hari Ahad lalu bagi mengikuti kursus penempatan lima hari di-Rumah Sakit Tentera British di-Hongkong ia-lah Lt. Kol. J. A. Boyle dan 6203 L/Kpl Ramlee bin Asri, juga dari Kompeni RHQ.

Manakala sa-orang lagi dari Kompeni RHQ, 4182 S/Sgt. Hamidon bin Nudin akan bertolak ka-Singapura pada 19hb. Nobember ini untok menghadhiri kursus Chief Clerk's Principle of Supervision di-School Manpower di-republik itu.

Kursus bagi-nya akan bermula pada 23hb. Nobember dan akan berakhir pada 2hb. Disember depan.

## Ranchangan padi kali ka-sepuloh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian telah melancharkan satu ranchangan pilot penanaman padi yang di-beri nama Ranchangan Padi Kali Sepuloh di-musim berpadi tahun ini.

Ranchangan tersebut yang luas-nya 10 ekar di-tiap2 daerah dan melibatkan 160 orang penanam2 padi kesemua-nya bertujuan untok mendorong peserta2 ranchangan dan penanam2 padi yang lain terutama sekali yang berdekatan dengan kawasan2 ranchangan untok meninggikan hasil tanaman padi mereka melalui panggunaan sa-chara keselurohan teknik2 bertanam padi yang telah teruji yang di-shorkan oleh Jabatan Pertanian.

Mengikut ranchangan ini, tiap2 peserta di-kehendaki menyediakan kawasan menanam seluas ¼ ekar yang di-lengkapi dengan tinda untok mengawal bekalan ayer. Di-sini mereka menanam padi mereka mengikut shor2 yang di-sediakan dan di-bawah tunjok ajar pegawai2 pengembangan pertanian yang bertugas di-perengkat kampong.

Di-bawah ranchangan ini juga mereka menerima dengan perchuma dan sachukop2-nya beneh padi jenis Disobok, baja, rachun2 musoh, obat2 penyakit, rachun2 rumpai dan perkhidmatan jentera pembajak.

Jabatan Pertanian telah menawarkan untok membeli sekurang2-nya saparoh dari hasil padi yang akan di-peroleh oleh peserta2 ranchangan nanti dengan harga $2.00 sagantang, dan Jabatan tersebut juga akan menguruskan pengangkutan padi dari kawasan2 peserta2 ka-pusat mengumpulkan di-Steshen Pertanian Kilanas.

Matalamat jangka panjang Ranchangan Tanaman Padi Kali Sepuloh ialah untok mendapatkan sebeberapa banyak penanam2 padi yang boleh di-negeri ini untok mengamalkan teknik2 bertanam padi yang teruji yang di-kenalkan oleh Jabatan Pertanian.

Dalam hal ini, lebeh banyak lagi penanam2 padi akan di-libatkan dalam pelaksanaan ranchangan ini di-tahun hadapan dan di-tahun2 seterus-nya.



GAMBAR menunjokkan peserta2 ranchangan di-Kampong Kapok menanam padi di-bawah tunjok ajar Pegawai Perkembangan Mukim Serasa.

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa barang2 yang berikut di-bawah ini bermula dari minggu 5hb Nobember, 1981.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. MINYAK MAKAN (CHAP LADA 24 kati ½) — $26.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Lam Seng
   No. 3, Jalan McArthur.
2. KACHANG KUDA — $1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Ming Thai Company
   No. 32, Jalan Sulatn.
   b) Chop Hock Huat
   No. 62, Jalan McArthur.
3. KACHANG DAL — $1.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Chop Aik Thye
   No. 25, Jalan Sultan.
4. BAWANG BESAR — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Sharikat H. Abdul Rahman
   No. 94, Jalan Chevalier.

**KUALA BELAIT**

1. MINYAK MAKAN (CHAP LADA 24 kati ½) — $26.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop How Min,
   No. B, Chinese Chamber of Commerce,
   b) Koh Kit Hin
   No. 28, Jalan Pretty.
2. KACHANG KUDA — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop How Min
   No. B, Chinese Chamber of Commerce,
   b) Ng Ming Hong
   Chinese Chamber of Commerce,
   c) Chiong Kee
   No. 1A, Jalan Pretty.
   d) Yick Yuan
   No. 3, Jalan Pretty,
   e) Ng Ming Hong
   No. 101, Jalan Mckerron.
3. KACHANG DAL — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Teo Hiang Hng
   No. 45, Jalan Pretty.
4. BAWANG BESAR — $1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Chop How Min
   No. B, Chinese Chamber of Commerce,
   b) Chiong Kee
   No. 1A, Jalan Pretty,
   c) Guan Heng
   No. 30, Jalan Sungai.

**SERIA**

1. MINYAK MAKAN (CHAP LADA 24 kati ½) — $26.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Haji C. A. Mohammad
   No. 51, Jalan Bunga Melor,
   b) Chop Kim Huat
   No. 53, Jalan Bunga Kuning.
2. KACHANG KUDA — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Foo Hap Shing
   No. 20, Jalan Sultan Omar Ali,
   b) Yick Fatt
   Lot No. 2660,
   Jalan Sultan Omar Ali.
3. KACHANG DAL — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Foo Hap Shing
   No. 20, Jalan Sultan Omar Ali,
4. BAWANG BESAR — $1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Chop Koh Seng Heng
   No. 17, Jalan Sultan Omar Ali,
   b) Foo Hap Seng
   No. 20, Jalan Sultan Omar Ali,
   c) Wang Wah Seng
   No. 73, Jalan Bunga Kenanga.
   d) Hudson Company
   No. 9, Jalan Sultan Omar Ali.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 11hb. Nob. hingga 17hb. Nob.

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 11.11.1981 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 11.11.1981 | Rabu | 10.45–11.15 „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 11.11.1981 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Awang Haji Mohd. Yussof, Kati Mahar | 14.11.1981 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Penjara Jerudong | 14.11.1981 | Sabtu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Mulaut | 14.11.1981 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 14.11.1981 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 14.11.1981 | Sabtu | 2.45– 3.45 „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | 14.11.1981 | Sabtu | 4.00– 5.00 „ |
| Di-hadapan Rumah Penghulu Mukim, Kampong Serasa | 15.11.1981 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama | 15.11.1981 | Ahad | 10.15–11.15 „ |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 15.11.1981 | Ahad | 11.30–12.00 T/Hari |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara | 16.11.1981 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh, Sungai Hanching | 16.11.1981 | Isnin | 3.00– 4.00 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah) | 17.11.1981 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 17.11.1981 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Sekolah Ugama Haji Mohd. Jaafar, Kiulap | 17.11.1981 | Selasa | 2.45– 3.15 petang |
| Di-hadapan Rumah Penghulu Mukim, Kampong Gadong. | 17.11.1981 | Selasa | 3.35– 4.05 „ |
| Sekolah Persediaan Inggeris, Sengkurong | 17.11.1981 | Selasa | 4.30– 5.30 „ |

# AJARAN SESAT

## Bahagian III

### Bahaya kapada ajaran Islam yang tulin

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.......



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

**Siri ke-104**

DALAM perjalanan saya ka-Maqdeshiu, Somalia untok menghadhiri persidangan Mu'tamar al-Alam Al-Islami, pada bulan Disember, 1964, sa-bagai pemerhati dari pehak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, saya telah menumpang kapalterbang Pakistan dari Karachi melalui Adan. Dalam penerbangan yang sama ia-lah ketua puak Ismailiah (anak Agha Khan). Kami mendarat di-Adan pada waktu Suboh dan terus bersembahyang Suboh bersama rakan2, sementara ketua puak Ismailiah itu telah di-sambut oleh pengikut2-nya dan terus di-ra'ikan di-suatu khemah khas yang di-dirikan di-ruang lapangan terbang. Majlis mera'ikan-nya berterusan sa-hingga ka-siang.

SA-TELAH menyiapkan urusan penerbangan ka-Maqdeshiu saya telah di-ajak oleh rakan2 dari Pakistan ka-satu tempat di-kawasan Adan lama untok berehat di-rumah sa-orang India. Menurut kata rakan2 orang India tuan rumah yang kami pergi itu ia-lah sa-orang Ismailiah, dia sa-orang doktor. Ketika kami tiba di-rumah-nya dia sedang melayan pesakit2 dari orang2 perempuan di-kelinik-nya, dan isteri-nya sahaja yang melayani kami. Nampak-nya doktor itu sa-orang yang senang di-kawasan Adan lama itu.

#### PERJUANGAN

DALAM masa berada di-Adan itu saya dapati orang2 Adan sedang berjuang menentang tentera British. Pembunohan orang2 yang di-shaki berlaku dengan mudah di-pasar, Bandar di-penohi oleh askar2 British yang berkubu di-loteng2 rumah dan menjalankan pemereksaan ka-atas kenderaan2 bagi menchari senjata dan bom. Saya sunggoh merasa chemas melihatkan keadaan saperti itu, sekali pun bandar Adan itu kelihatan sebok saperti biasa.

APA yang hendak saya katakan dalam hal ini bahawa di-Adan itu ada ramai puak Ismailiah. Di-kampong2-nya pula ramai puak Batiniah. Orang2 yang berjuang itu ia-lah orang2 Adan kerana semangat kebangsaan dan marahkan penjajahan. Mereka ternyata di-hasut oleh orang2 komunis dan sosialis yang bertapak di-Mesir, Iraq dan Syria. Perjuangan mereka bukan kerana Islam dan pada mereka semangat Islam tidak mendapat tempat sepenoh-nya. Sa-lepas mereka bebas dari belanggu penjajahan Inggeris mereka masok pula ka-dalam belanggu komunis saperti kata pepatah "lepas dari mulut harimau masok mulut buaya." Lalu sa-lepas kemerdekaan-nya, sekolah2 di-Adan tiada memberi tempat kapada ugama Islam. Pejuang2 kemerdekaan-nya bukan orang2 yang berjiwa Islam dan bukan kerana Islam, hanya mereka berjuang sa-mata2 kerana semangat kebangsaan dan marahkan penjajahan serta mengikut arahan dan telunjok pehak ketiga yang menchari pengaroh dan kesempatan ia-itu orang2 Marxis dan komunis.

#### PEMERHATIAN

HAL tersebut patut menjadi ingatan kapada umat Islam supaya mengekalkan pondok2 pelajaran Islam, surau2 pelajaran Islam, majlis2 pelajaran Islam, sekolah2 pelajaran Islam dan hendak-lah pelajaran Islam itu di-ratakan (di-sebarkan) ka-kampong2 dan desa di-semua telok rantau negeri2 Islam.

Ini tidak bermakna mereka tidak patut belajar ilmu2 bagi muslihat hidup di-dunia dan bekal di-akhirat. Di-samping ada-nya pelajaran Islam di-merata2 itu hendak-lah pula di-hidupkan semangat dan chintakan Ugama Islam. Mutu pelajaran Islam yang ada hendak-lah terus menerus di-tinggikan. Semangat umat Islam hendak-lah sentiasa di-baiki terhadap Islam saperti chontoh yang di-buat oleh pusat pengajian Al-Azhar di-Mesir. Gerakan ugama yang aktif hendak-lah di-lancharkan saperti menubohkan rumah2 pelajaran ugama yang di-buat oleh Kerajaan Arab Saudi, dan saperti yang di-lakukan oleh Kerajaan Brunei dan Johor. Semua-nya itu hendak-lah dengan sempurna menurut adab pakaian dan ajaran Islam.

(Bersambong)

*WALLAHU A'ALAM.*

# Memakmorkan masjid

Dari muka 1

ngan pahala orang2 yang memakmorkan masjid, Yang Teramat Mulia itu seterus-nya menjelaskan, bahawa memakmorkan masjid itu termasok-lah erti-nya pada mengerjakan ibadat di-dalam-nya dan juga sentiasa berada di-dalam masjid kerana berkhidmat kapada-nya dan juga membena, memperbaiki dan sa-umpama-nya.

Oleh kerana sa-tiap masjid di-negeri ini mempunyai jawatankuasa, Yang Teramat Mulia itu berharap supaya jawatankuasa tersebut akan berkhidmat bersunggoh2 dan jujor bagi memakmorkan masjid ia-itu dengan membawa anak2 buah dan memimpin para jemaah supaya mereka menyedari dengan sebenar2-nya akan tanggong-jawab masing2 terhadap ugama dan juga berusaha untok menjadikan masharakat kita sa-buah masharakat yang benar2 mengamalkan Ugama Islam sabagai chara hidup yang lengkap.

"Dan jika jawatankuasa masjid itu belum di-bentok maka elok-lah ia-nya di-bentok," sabda Yang Teramat Mulia itu lagi.

Terdahulu dalam sabda-nya Yang Teramat Mulia itu menjelaskan bahawa bangunan masjid di-Kampong Burong Pingai itu ada-lah merupakan salah sa-buah masjid yang di-dirikan oleh kerajaan DYMM atas kemahuan dan kehendak anak2 kampong dan sekitarnya.

Mengenai dengan nama masjid itu pula, Yang Teramat Mulia bersabda ini ia-lah pada mengenangkan jasa salah sa-orang pendudok di-kampong tersebut yang berkhidmat pada memperkembangkan Ugama Islam di-negeri ini yang mana menurut Yang Teramat Mulia nama tersebut telah di-perkenankan sendiri oleh Kebawah DYMM dengan sokongan Majlis Ugama Islam Brunei.

## Memelok ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-orang lagi saudara baru Islam dari puak Dusun yang memelok ugama Islam baru2 ini di-satu majlis yang berlangsong di-rumah Awang Haji Aji bin Mohd Yussof, Kampong Belimbing di-sini pada hari Jumaat minggu lepas. Beliau ia-lah Dayang Ajineh bte Erih, 23 tahun, berasal dari Bang Pagan di-Daerah Tutong.



Dayang Azineh Abdullah

Ajineh kini di-kenali sabagai Azineh bte Abdullah. Ia melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg Hj. Ismail bin Mat Serudin. Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan keluarga saudara baru itu.

# Penyampaian sijil lepasan MPUSB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis penyampaian sijil bagi guru2 ugama akan di-adakan di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada hari Ahad, 22hb. Nobember bermula jam 8.00 pagi.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abd. Rahman bin Dati Setia Haji Mohd. Taib akan menjadi tetamu kehormat serta menyampaikan sijil2 dan hadiah2 pelajaran di-majlis tersebut.

Sa-ramai 71 orang guru2 ugama akan menerima Sijil Kursus Perguruan Ugama dan 15 orang akan menerima Sijil Kursus Lanjutan Ilmu Fiqeh.

Berikut ia-lah guru2 yang akan menerima sijil2 pada hari itu. Mereka itu juga ada-lah di-kehendaki datang ka-dewan maktab tersebut untok menjalani latehan pada 19hb. dan 21hb. Nobember.

**KURSUS "A" DAN "B" 1978-1981**

Asinah bte Haji Tamin, Zainab bte Abu Bakar, Sinyor bte Besar, Aisah bte Besar, Aisah bte Othman, Asiah bte Hashim, Dk. Armah bte Pg Apong, Morniah bte Supian, Hajjah Siti Rahmah bte Pgh. Haji Othman, Lauyah bte Metussin, Asiah bte Sulaiman, Saedah bte Shawal, Rasiah bte Abdul Wahab, Hitun bte Idris, Aminah bte Tasim.

Rosnah bte Mohammad, Dk Zaliha bte Pg Omarali, Zainun bte Basni, Salmah bte Kalong, Apah bte Sabtu, Halipah bte Haji Gharif, Anah bte Saban, Halimah bte Saman, Halimah bte Haji Bakri, Sariyah bte Hassan, Bahar bin Sairan, Ihrahim bin Dullah, Haji Mohd Hussin bin Haji Mohd Salleh, Ahad bin Haji Juna, Kassim bin Haji Tapa, Omar bin Haji Murad.

Siadis bin Haji Damit, Mohammad bin Garing, Abdullah bin Taha, Sapar bin Haji Laji, Dy Noraini bte Musa, Mariam bte Zainal, Siti Rokiah bte Mumin, Jamilah bte Hamdan, Dk Siti Jauyah bte Pg Haji Md Said, Rasidah bte Tengah, Siti Rahmah bte Mohammad, Maisalamah bte Aji Hamidah bte Morni, Tiah/Piah bte Yusof, Md Deli bin Raya, Md Daud bin Abd Kadir, Mohammad bin Mat Zinin, Kachi bin Untong, Hamafi bin Md Yassin, Ak Mohd Ali bin Pengiran Haji Zainal.

Mustapa bin Murat, Junaidi bin Haji Abdullah, Dayang/Masriah bte Hamdan, Rohani bte Haji Kamis, Hasnah bte Kahar, Aisah bte Mustapa, Masnah bte Hussin, Normah bte Hassan, Johani bte Haji Abdul Hamid, Aisah bte Haji Mohd Zain, Jamaliah bte Haji Metussin, Hazizah bte Haji Abdul Hamid, Halimah bte Haji Jahat, Rosminah bte Abd Rahim, Maimunah bte Haji Abd Rahim, Sa'adiah bte Ibrahim.

**KURSUS "B" JANUARI 1975-DISEMBER 1977**

Dg Habibah bte Abd Kadir.

**KURSUS "A" DAN "B" JULAI 1976-JUN 1979**

Ag Untong bin Othman, Ag Morney bin Amat, Dg Jaimah bte Samsu.

**KURSUS "A" JULAI 1977 JUN 1980**

Dg Rosiah bte Ya'akub.

**KURSUS LANJUTAN ILMU FIQEH 1980-1981**

Dayang Norhalipah bte Md Daud, Awang Taib bin Jama'at, Dayang Radziah bte Talib, Awang Mat Jaya bin Ibrahim, Dayang Simah @ Bunga bte Jaludin, Pengiran Hjh. Khasnah @ Pg Hjh. Rosni bte Pg Besar, Awg Mat Gapor bin Bakar, Dayang Norsiah bte Samsuddin, Dayang Sawasa bte Haji Tupok, Dayang Jainah bte Haji Sulaiman, Dayang Rasiah bte Ama, Dayang Jabaidah bte Awg Besar, Dayang Normah bte Haji Mohamad, Dk Rosnah bte Pg Haji Hashim, Dayang Habibah @ Minah bte Daud.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 11hb Nobember, 1981 hingga ka-hari Selasa 17hb Nobember, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 11hb Nob | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 12hb Nob | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 13hb Nob | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 14hb Nob | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 15hb Nob | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 16hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 17hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# MENGELUARKAN ZAKAT MELEPASKAN DIRI DARI API NERAKA




MARI kita tingkatkan ketakwaan kita kapada Allah s.w.t. dengan menginsafi perbuatan2 dosa kita yang telah lalu bertaubat tidak akan melakukan-nya semula dan marilah terus menerus kita menggandakan amal ibadat dan melakukan perkara2 yang berkebajikan, supaya sa-makin lama kita hidup sa-makin banyak bekalan kita untok menempoh alam akhirat.

Tiap2 orang pasti mengetahui sendiri perbuatan2-nya yang telah lalu samada yang baik atau yang burok. Maka bersempena memasoki tahun baru hijrah 1402 ini patutlah kita membanyakkan ingatan kita terhadap perbuatan2 kita sendiri sapanjang tahun yang lalu itu. Kalau banyak yang baik-nya kita bershukor, sebalek-nya kalau banyak burok-nya kita insaf, insaf dengan erti kata bertaubat tidak akan melakukan-nya lagi di-tahun ini dan di-tahun2 akan datang. Perhitongan ini amat-lah penting kita lakukan bagi mempastikan kita tidak berkekalan di-dalam maksiat dan dosa, bahkan kita tetap berusaha supaya diri kita menjadi orang baik, atau orang saleh dan bertakwa.

Kerana bagaimana pun keadaan kita di-dunia ini samada sa-bagai orang saleh atau durhaka, orang kaya atau miskin, orang berpangkat atau tidak dan lain2 sa-bagai-nya pasti akan kembali ka-alam baka di-mana kita akan hidup kembali buat salama2-nya bagi menerima balasan amal baik dan amal jahat kita di-atas dunia. Saidina Umar Al-Khatib r.a. pernah mengingatkan umat Islam tentang penting-nya membuat perhitongan amal dan perbuatan2, kata-nya: Yang bererti, buat-lah perhitongan terhadap diri kamu sendiri sa-belum kamu di-hitong amalan kamu (di-akhirat).

### MEMBUAT PERKIRAAN

Di-samping kita membuat perkiraan tentang amalan2 kita sa-panjang tahun lepas atau tahun2 yang lalu itu maka ada juga baik-nya di-permulaan tahun baru Islam ini kita memerhatikan harta wang kita, mana2 yang telah genap nisab dan haul wajib-lah di-keluarkan zakat-nya, jangan sampai bahagian asnaf yang lain itu kita gunakan sa-bagai milek kita, kerana harta zakat itu menjadi hak asnaf yang lapan. Barang siapa yang chukop sharat berzakat tetapi enggan melakukan zakat-nya pasti-lah akan mendapat seksa di-akhirat. Firman Allah Taala di-dalam Surah At-Taubah ayat 34 dan 35 kira2 bermaksud:

*"Dan orang2 yang menyimpan emas dan perak dan tiada membelanjakan-nya pada jalan Allah termasok pada mengeluarkan zakat-nya maka khabarkan-lah (Wahai Muhammad) pada mereka itu dengan anchaman seksa yang pedeh, ia-itu pada hari di-salai mereka di-atas emas dan perak itu di-dalam neraka jahanam, maka di-bakar dahi, sebelah rusok, dan sebelah ponggong mereka, seraya di-katakan kapada mereka: Ini-lah harta benda kamu yang kamu simpan buat diri kamu, maka rasakan-lah oleh kamu balasan dari barang yang kamu simpan dahulu itu."*

Dari itu wahai kaum muslimin selalu-lah kita membuat perhitongan baik tentang amal pekerjaan kita mahu pun harta benda kita. Jika amal pekerjaan kita sudah baik tambah-lah ia supaya lebeh2 baik lagi dan jikalau harta dan wang yang kita simpan atau barang2 perniagaan kita sudah sampai nisab dan haul-nya wajib-lah kita keluarkan zakat-nya. Mudah2an dengan jalan itu akan terselamat-lah kita dari anchaman seksa api neraka.

# Perbuatan ibu-bapa menjadi chontoh kapada anak-anak

SALAH satu daripada kewajipan ibu-bapa terhadap anak2 ia-lah memberi nasehat yang berguna untok bekalan mereka di-dunia dan di-akhirat. Pesanan2 untok melakukan perkara yang baik harus-lah di-berikan sejak dari anak2 itu maseh kechil lagi, khusus-nya sa-belum mereka menchapai usia remaja kerana, se-memang-nya dari faktor pendidekan sendiri, mendidek anak2 yang maseh muda jauh berkesan daripada mendidek golongan tua yang sudah masak dengan pengaroh 'alam sekitar. Salah satu pengajaran yang utama yang harus di-sematkan ka-dalam pemikiran anak2 ia-lah pengajaran yang berhubong rapat dengan perkara mengesakan Allah s.w.t., kerana mengesakan Allah ada-lah akar tunjang bagi keimanan sa-seorang itu. Hubongan perkara ini, dalam Al-Kor'an ada di-cheritakan tentang kesah Luqman menasehati anak2-nya saperti dalam Surah Luqman ayat 13 dan 17 yang kira2 maksud-nya: *"Dan ingat-lah! tatkala Luqman berkata kapada anak-nya, di-waktu ia memberi pelajaran kapada-nya, Wahai anak-ku, jangan-lah kamu mempersekutukan Allah, sesunggoh-nya mempersekutukan Allah itu ada-lah satu kedzaliman yang amat besar."* Dan maksud ayat 17: *"Hai anak-ku, dirikan-lah sembahyang dan suroh-lah (manusia) mengerjakan yang baik dan chegah-lah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabar-lah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesunggoh-nya yang demikian itu termasok hal2 yang di-wajibkan oleh Allah."*

Dari maksud ayat2 tersebut, dapat-lah di-ambil pengertian bahawa Luqman memberikan nasehat penting kapada anak2-nya yang antara-nya: Pertama — melarang anak2-nya jangan menyekutukan Allah. Kedua — menyuroh mengerjakan sembahyang. Ketiga — menasehati anak2-nya bersabar apabila di-timpa bala benchana. Daripada nasehat atau pesanan Luqman kapada anak2-nya itu dapat-lah juga kita mengambil chontoh bahawa peranan ibu-bapa dalam usaha memberi nasehat dan tunjok ajar kapada anak2 ada-lah suatu perkara yang amat penting. Anak2 tidak boleh di-biarkan begitu saja tanpa di-berikan tegoran dan nasehat, baik nasehat itu mengenai perkara2 ugama, amal ibadat, tata tertib atau sopan santun bermasharakat dan lain2.

### SIFAT ANAK2

Dalam memberikan chontoh kapada kehidupan anak2, ibu-bapa perlu-lah menekankan bahawa sifat anak2 yang tidak pedulikan kapada kewajipan berugama hendak-lah di-kikis dari fahaman mereka dan sa-bagai penggantikan-nya, para ibu-bapa hendak-lah menunjokkan segala sifat dan tingkah laku, perchakapan atau perbuatan yang berchorak ketaatan kapada Allah. Tanggong-jawab ibu-bapa sa-terus-nya ia-lah menasehati atau menyuroh anak2 mendirikan sembahyang. Dalam perkara ini terdapat sa-tengah2 ibu-bapa kurang mengambil berat menyebabkan anak2 terbiar dengan tiada ada tunjok ajar yang sa-wajar-nya. Dan yang lebeh malang lagi, ada sa-tengah2 ibu-bapa meringan2kan, malah ada yang langsong sama sekali tiada melakukan-nya, jadi dalam hal ini bagaimana anak2 akan mengerjakan sembahyang jika ibu-bapa tiada pernah sembahyang. Ibu-bapa harus-lah ingat bahawa sembahyang itu ada-lah tiang ugama dan anak kunchi bagi segala kebajikan, malah sembahyang ada-lah juga satu benteng yang kuat, yang menahan daripada angkara kejahatan dan kemungkaran.

### SIFAT SABAR

Nasehat sa-lanjut-nya ia-lah menekankan sifat sabar, terutama ketika di-timpa mala petaka. Ibu-bapa hendak-lah menanamkan sifat tersebut ka-dalam jiwa anak2 dengan chara nasehat dan pesanan yang baik dan lemah lembut, menasehati supaya anak2 jangan putus harapan, jangan mudah kechewa sa-balek-nya kuat chita2 dalam menghadapi sesuatu musibah yang menimpa hidup mereka. Sa-terus-nya anak2 harus-lah di-yakinkan bahawa segala bentok benchana, kesusahan atau lain2 masaalah ada-lah merupakan takdir Allah, yang mana Allah bertujuan untok menguji sa-jauh mana kesabaran dan kekuatan iman sa-seorang manusia, sapertimana yang di-terangkan oleh Allah dalam Surah Muhammad ayat 31, yang kira2 maksud-nya: *"Dan sesunggoh-nya Kami (Allah) benar2 akan menguji kamu agar Kami (Allah) mengetahui orang2 yang berjihad dan bersabar di-antara kamu, dan agar Kami (Allah) mengatakan (baik burok-nya) hal ehwal kamu."*

Demikian-lah chontoh pendidekan yang di-kisahkan dalam Al-Kor'an oleh Luqman dalam menasehati anak2-nya. Semoga dengan chontoh2 tersebut kita para ibu-bapa akan mengamalkan dalam membentok dan mengasoh anak2, supaya anak2 akan menjadi manusia yang bersopan santun, malah mempunyai akhlak yang terpuji dalam menyembah Allah Yang Maha Suchi, tidak menyekutukan dengan sesuatu, mendirikan sembahyang serta terpelihara daripada segala yang di-murkai Allah dan menjadi manusia yang beriman dengan sabenar-nya yang akan berbahagia di-dunia dan di-akhirat.

*O Bingkisan minggu ini*

## Kuliah Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 100 pendudok2 kampong Pandai Besi telah menghadhiri majlis kuliah belia bertempat di-dewan persatuan tersebut pada hari Jumaat 6hb. Nobember lepas.

Kuliah tersebut telah di-sampaikan oleh Ustaz Hj. Adam bin Haji Ahmad, Penolong Pengetua Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah.

Cheramah berkenaan di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama bertujuan untok menekankan kapada pembentokan peribadi belia Islam di-samping untok menghalusi bachaan-bachaan dan perbuatan di-dalam sembahyang.

Sementara itu kuliah ugama ini juga akan di-adakan di-Masjid Sufri Bolkiah, di-Kampong Perpindahan Berakas. Kuliah tersebut akan berlangsong pada hari Jumaat 13hb. Nobember.

Antara achara-nya termasok-lah sembahyang maghrib dan isha berjemaah, cheramah khas dari salah sa-orang pegawai ugama dan chara2 menghalusi sembahyang.

Oleh yang demikian pendudok2 kampong tersebut ada-lah di-minta hadhir untok menyertai kuliah tersebut.

## PEMBETULAN

KANDONGAN khutbah yang di-keluarkan dalam Pelita Brunei keluaran 4hb Nobember minggu lepas pada para 4 yang berbunyi "10 Muharram itu menchatetkan kemenangan Nabi Ibrahim a.s. dari perut ikan" hendak-lah di-bacha saperti berikut:

"10 Muharram itu menchatetkan kemenangan Nabi Ibrahim a.s. terhadap Raja Namrud, kemenangan Nabi Musa a.s. terhadap Firaun, terselamat-nya Nabi Yunos a.s. dari perut ikan."




## Kelinik Kechemasan Panaga

SERIA. — Rumah sakit Panaga sekali lagi mengingatkan pekerja2 Sharikat Shell bahawa Kelinik2 Pesakit Luar yang di-adakan pada jam 9.00 pagi pada hari2 Sabtu, Ahad dan samasa chuti2 sharikat itu ada-lah hanya bagi perkara2 (perubatan, sakit2 dan sa-bagai-nya) yang benar2 memerlukan perhatian segera.

Pekerja2 sharikat adalah di-ingatkan tidak sekali2 di-benarkan datang pada waktu2 tersebut kerana semata2 ingin mendapatkan rawatan atau pemereksaan rasa sakit yang sedikit sahaja yang boleh rasa-nya di-tunggu pada hari2 bekerja.

## LATEHAN BERSAMA MEMADAM API



GAMBAR ini menunjokkan satu latehan bersama chara2 memadam api telah di-langsongkan di-Depot Muara kepunyaan Sharikat Pemasaran Shell Brunei, yang lalu. Pasokan2 Bomba Kerajaan dan Pasokan Bomba Angkatan Laut Askar Melayu Diraja Brunei, yang berpangkalan di-Muara telah mengambil bahagian.

Kebakaran olok2 itu melibatkan pemasangan sa-buah tangki yang mengandongi minyak gas biasa. Dan sa-ramai 36 orang pemadam api telah mengambil bahagian yang mengambil masa sa-lama 45 minit bagi membolehkan para peserta-nya menyesuaikan peranan masing2 menggunakan kemudahan2 melawan kebakaran yang ada di-depot itu.

## Awg Ibrahim perolehi Diploma Pengurusan Keselamatan



KELIHATAN Awg Ibrahim bin Jumat (kanan) sedang menerima diploma-nya dalam bidang Pengurusan Keselamatan dari Awg Majid bin Pehin Datu Pekerma Dewa Awg Hj. Abdul Rahim, Pengarah Pengkajian Yunit Penuntut2 Kerajaan Brunei, dalam satu majlis jamuan di-kapal latehan Majlis Keselamatan, British, St. Katharine, yang berlaboh berhampiran dengan Tower of London, yang baru lalu.

Awang Ibrahim dari Jabatan Keselamatan (OSA) telah kembali ka-tanah ayer dari United Kingdom, sa-telah menghadhiri satu kursus pengurusan keselamatan, yang di-sertai oleh 29 orang perwakilan dari 12 buah negara yang mengambil bahagian.

## *Penyertaan DBP di-Pesta Buku2 Sarawak dapat mempamerkan buku2 terbitan-nya*

AWAL bulan lalu, Dewan Bahasa dan Pustaka sekali lagi di-undang untok menyertai Pesta Buku Sarawak '81 anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka Chawangan Sarawak dengan kerjasama Sinar Suchi Sendirian Berhad, sempena perayaan Jubli Perak ke-25 Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.



**BUKU2 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei yang di-pamerkan di-Pesta Buku Sarawak '81, di-Dewan Pembangunan Tun Abdul Razak, Kuching.**




Ini merupakan kali kedua Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei menyertai pameran buku sa-umpama itu di-luar negeri.

Dengan penyertaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei di-luar negeri itu, menurut pehak Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini, sa-chara tidak langsong telah mendedahkan buku2 terbitan-nya melalui penjualan2 buku di-pameran tersebut, di-samping ia-nya merupakan chara yang mudah untok mengikhsankan buku2 terbitan-nya kapada ajensi2 buku terkemuka di-luar negeri.

### PENYERTAAN

Bagaimana pun, pehak Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei menegaskan bahawa penyertaan-nya dalam mana2 pameran di-luar negeri atau pun di-dalam negeri ini, bukanlah kerana 'dorongan komersial' sa-mata2. Sabalek-nya, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei mempunyai peranan dan kepentingan-nya yang tersendiri mengikut prinsip-nya sabagai sa-buah Jabatan Kerajaan yang bertanggongjawab mengembang dan memajukan pemikiran dan rohani masharakat-nya.

Ini jelas, di-pesta buku di-Kuching baru2 ini, "gerai yang di-peruntokkan kapada Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei hanya di-buka untok pameran, dan buku2 yang di-pamerkan di-pesta tersebut telah di-ikhsankan semua-nya kapada pehak penganjor," kata Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim dan Dyg. Shamsiah binte Haji Abdi Manaf, dua pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei yang di-hantar ka-Pesta Buku Sarawak '81 yang di-adakan di-Dewan Pembangunan Tun Abdul Razak, Kuching pada 5hb. Oktober yang lalu.

Pameran buku2 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, menurut Awg. Zainal Abidin, telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari masharakat di-sana. Malah, kata-nya, ada di-antara para ibu-bapa yang menunjokkan minat mereka yang mendalam terhadap buku2 siri Cherita Raayat dan buku2 bachaan umom kita di-sini.

Dalam penyertaan-nya di-pesta itu, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah mempamerkan sabanyak 150 buah naskah yang meliputi lebeh 100 buah tajok buku.



**KELIHATAN Awang Zainal Abidin, wakil DBPB berjabat tangan dengan Timbalan DBP Chawangan Sarawak, Awang Hamdan bin Yahya ketika majlis mengikhsankan buku2 pameran DBPB kapada pehak penganjor.**

Pesta Buku Sarawak '81 yang berthemakan 'Menimba Ilmu Pengetahuan Menerusi Membacha' telah di-rasmikan oleh Menteri Perhutanan Sarawak, Yang Berhormat, Dato Hj. Noor bin Tahir.

Thema ini amat sesuai bagi pesta itu, bukan sahaja bagi pehak penganjor malah sama chuchok-nya dengan aspirasi Dewan Bahasa dan Pustaka untok menarek minat masharakat-nya menghayati dan mendampingi buku untok tujuan membentok fikiran masharakat.

### OBJEKTIF

Mungkin kerana kedua2 Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei dan Malaysia, mempunyai objektif yang sama untok membentok tabiat gemar membacha dan mendekatkan buku kapada masharakat tempatan, maka "penyertaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei mempunyai erti yang sangat penting dalam konteks hubongan dan kerjasama dalam pelbagai sudut pembangunan dan kebudayaan," demikian kata Pengarah Dewan Bahasa Chawangan Sarawak, Awang Haji Hussain bin Ismail dalam uchapan alu2an-nya di-pesta itu tempoh hari.

Pesta Buku Sarawak anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka Chawangan Sarawak dengan kerjasama Sinar Suchi Sendirian Berhad itu telah di-sertai oleh 20 buah penerbit. Antaranya termasok-lah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Penerbit2 Universiti, Arkib Negara, Pustaka (Sarawak) Sendirian Berhad, Adabi, Sinar Suchi.

Lihat muka 15

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 11HB. NOB.

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GODZILLA : "Calico Clones"
5.30 NATURE OF THINGS : "Memory come to think of it"
6.00 BERITA AWAL
6.05 FALCON ISLAND
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 FALCOON ISLAND — sambongan
6.30 SAYANG ADEK KU SAYANG

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOBO : "Lobo and the pirates"
7.21 AZAN ISHA
7.25 LOBO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 GIVE US A CLUE
9.30 HAWAII FIVE O : "The Ninth Step"
10.20 TAYANGAN GAMBAR : "The Spirit Is Willing"
11.50 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 12HB. NOB.

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 DRAK PACK : "Happy Birthday Dr. Dred" Dr Dred berchita-chita untok menghanchorkan kechantekan alam. Drak Pack telah di-tawan oleh Vampira dan di-jadikan sa-bagai hadiah Hari Jadi Dr. Dred.
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 DRAK PACK — sambongan
6.30 EVOLUTION

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY : "A Dream for Jennifer"
7.21 AZAN ISHA
7.25 BUCK ROGERS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 HIDAYAT
9.10 DUNIA MINGGU INI
9.40 TO THE MANOR BORN
10.05 WALKING TALL : "Kidnapped"
10.55 TRAPPER JOHN
11.40 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 13HB. NOB.

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME (ulangan)
5.15 CHILDREN'S SERIAL : "Counter Plot"
5.30 THE LONE RANGER : "The Silver Mine"
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 YOU ASKED FOR IT — sambongan
6.30 MAGIC PALACE

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HANGING BY A THREAD
7.22 AZAN ISHA
7.26 HANGING BY A THREAD — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 SERIKANDI
9.10 BENSON (siri baru)
9.40 GUSTI
10.25 THE SWEENEY : "Trust Red"
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 14HB. NOB.

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 NEW POPEYE SHOW — sambongan
6.30 BEWITCHED : "A Good Turn Never Goes Unpunished" Samantha dan Darrin bertengkar tentang machamana untok menggunakan ilmu sihir dalam kampain iklan mengiklan.

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 QUINCY : "Jury Duty"
7.22 AZAN ISHA
7.26 QUINCY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 MARI MEMASAK
9.30 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
11.25 THE BIG VALLEY : Ep. 114.
12.10 SIARAN TAMAT.



SATU siri baru "ANIMALS IN ACTION" yang mengesahkan tentang penghidupan binatang2 di-sekitar muka bumi akan di-tayangkan pada hari Isnin jam 5.35 petang dengan tajok "HOLES".



SIRI komidi "Bewitched" minggu ini membawa kesah cherita bertajok "A Good Turn Never Goes Unpunished".

## AHAD — 15HB. NOB.

PETANG
2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.14 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 IT'S NOW
3.05 SHANE : "The Great Invitation" bahagian 1. —
4.00 HARPER VALLEY : "Moon Lighting"
4.30 KAP KAP UDANG
4.50 BAGPUSS
5.05 SHAZAM
5.25 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLASH GORDAN
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 FLASH GORDAN — sambongan
6.30 CHILDREN'S SHORT STORIES The Magic Balloon"

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ENOS : "Tre Moon Shiner's Serenede."
7.22 AZAN ISHA
7.26 ENOS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 HOW TO DRIVE : "In Dense Traffic"
8.50 ONLY WHEN I LAUCH
9.20 DRAMA TEMPATAN : "Pertemuan" (ulangan)
9.50 DRAMA SPECIAL : "Oberndorf Revisited"
10.40 ARMCHAIR THRILLER : "The Circe Complex" — bhg. 6.
11.10 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 16HB. NOB.

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME — (ulangan)
5.15 NEW MIGHTY MOUSE
5.35 ANIMALS IN ACTION (siri baru)
6.00 BERITA AWAL
6.05 TARZAN : "Man Killer"
6.08 AZAN MAGHRIB
6.12 TARZAN — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART : "The Hart Shaped Murders" Jennifer menempah hadiah Valentine dari kedai Mrs. Bittersweet di-mana di-dapati-nya berhadapan dengan kedai itu satu kes pembunohan telah berlaku.
7.23 AZAN ISHA
7.27 HART TO HART — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 SKAG : "Working Girl" bahagian 2.
9.50 THE WORLD OF SURVIVAL — "Hunters of the Plains"
10.30 KNOTT'S LANDING : "Hitch Hike" — bahagian 2
11.25 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 17HB. NOB.

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE MUNCH BUNCH :
5.00 HERE'S BOOMER
5.30 LITTLE BLUE
5.45 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 BERITAL AWAL
6.05 FAMILY HOUR FESTIVAL "The Amazing Cosmic Awareness Of Duffy Moon"
6.08 AZAN MAGHRIB
6.12 FAMILY HOUR FESTIVAL — (sambongan)

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE GREATEST AMERICAN HERO
7.23 AZAN ISHA
7.27 THE GREATEST AMERICAN HERO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 ARENA SOKAN
9.20 TAYANGAN GAMBAR : "The Hired Hand"
10.40 BOGNOR : "Lets Sleeping Dog Lie" — bahagian 2.
11.15 SIARAN TAMAT.

PENDATANG baru dalam arena penulisan Sandiwara radio tampil kemuka dengan tulisan-nya MEKAR DALAM GERIMIS.

Penulis A. Ratna Putera Brunei akan mengketengahkan aneka perjalanan hidup muda-mudi dalam mengharongi dunia chita2 yang penoh dengan pergolakan perasaan.

Di-mana Budiman sabagai watak utama dalam cherita ini, bersunggoh2, berchita2 untok lulus dalam pengajian di-Maktab Perguruan-nya. Sedangkan kawan2-nya yang lain selalu bergurau senda, mengusek dengan pelbagai perasaan.

Satu ketika kawan Budiman (Hamie) telah beberapa kali menyindir Budiman yang Masni ada menaroh hati kapada Budiman. Namun Budiman tidak mengindahkan usekkan itu, chuma di-anggap-nya sa-bagai usekan biasa saja, tidak lebeh dari itu.

Hamie berkali2 mendesak agar Masni lebeh baik berterus terang saja menchurahkan perasaan hati-nya. Tetapi Masni terasa malu juga berhadapan dengan Budiman, apa-tah lagi untok melahirkan hasrat hati-nya itu Masni kenal akan diri-nya bahawa ia ada-lah sa-orang janda, sedangkan orang yang di-puja-nya itu maseh mentah dalam dunia perchintaan apa-tah lagi mengharongi dunia berumahtangga.

# MEKAR DALAM GERIMIS

## Oleh: A Ratna Putera

Atas dasar perasaan perikemanusiaan dan timbang-rasa dan simpati sa-orang kawan, Budiman terpaksa menghadapi dua pertentangan perjuangan, ia-itu perjuangan antara chita2 dan simpati chinta-nya terhadap Masni.

Lalu Budiman membuat perundingan dengan kedua orang tua-nya mengenai hubongan-nya dengan Masni. Apa yang baik, itu yang di-buat, mana yang berpatutan itu yang di-laksanakan. Ini-lah yang menjadikan pertimbangan bagi diri Budiman untok mempastikan keputusan-nya terhadap Masni.

Apa-kah tindakan Budiman terhadap Masni. Sampai-kah hati-nya untok meninggalkan beneh chinta yang baru bertunas itu ?

Untok mengetahui keputusan selanjut-nya MEKAR DALAM GERIMIS ini, kami persilakan awda pendengar dan peminat ranchangan ini mengikuti siaran-nya yang akan ka-udara pada hari Ahad 15hb Nobember, jam 12.00 tengah hari.

Sandiwara radio minggu ini akan di-terbitkan oleh Zaini Md Yussof.

intisari RTB minggu ini



THIS week's edition of IDEAS AS THEY COME looks at the ADVANTAGES AND DISADVANTAGES OF CO-EDUCATION. The speakers are Dk Mariam (Chairlady), Cecilia Cheng, Desmond De Zeeuw and Rory Higgins. This programme takes the air on the English Service of Radio Brunei on Sunday, 15th November, 1981 at 11.00 am.

RANCHANGAN yang masok keluaran yang kelima ini. maseh membicharakan mengenai dengan topik perkahwinan, khusus-nya adat perkahwinan orang2 Melayu Brunei kita, maksud-nya ia-lah untok menyalorkan pengetahuan kapada pendengar2 yang di-tujukan, membantu pendengar dengan bahan2 yang menarek minat mereka melalui radio, di-samping itu juga memperkembangkan, memperbaiki dan memperluaskan pengetahuan am pendengar dan sa-terus-nya menggalakkan penyertaan dari pendengar.

Keluaran-nya akan datang nanti pendengar akan dapat mengikuti lagi adat perkahwinan orang Melayu kita yang mana di-antara pengkajian-nya di-dapati dari pertutoran atau cherita2 lama. Selayang Pandang akan bersama awda di-setiap petang Ahad jam 5.00.

Gambar menunjokkan penerbit ranchangan Selayang Pandang bersama Dayang Jauyah Haji Jaya semasa membuat penyelidekan di-Kampong Serasa mengunjongi Bu Hajiah Alus.



LAGU 'Senandong kaseh', sa-buah lagu yang sangat popular di-tahun 60an dulu, nyanyian Allahyarham P. Ramlee dan Saloma. Begitu-lah di-antara lima buah lagu yang akan di-persembahkan oleh pasangan penyanyi Seloka Merpati minggu ini. Mereka ia-lah penyanyi2 bintang radio Zaiton Ali dari Kuala Belait yang pernah menyandang joban langgam wanita Bintang Radio 1971 dan berpasangan dengan Ak Yunos Pengiran Haji Ahmad juga sa-orang penyanyi tempatan yang tidak asing bagi kita, sering menyertai pertandingan2 Bintang Radio dulu, dan pernah menyandang johan bahagian paduan suara di-dalam pertandingan Mutika 1977.

Bagaimana-kah persembahan pasangan penyanyi ini dalam mendendangkan lagu2 lama ? Sama2 kita ikuti siaran-nya pada hari Ahad 15hb Nobember jam 2.30 petang dan siaran ulangan-nya pada hari Rabu 18hb Nobember jam 1.30 petang.



Ak. Yunos Pg. Haji Ahmad.



Zaiton Ali.

# SA-BUAH RANCH[A]

ANDAI-NYA awda di-Mekah, apa-kah baksis itu rasuah ? Andai-nya awda sa-orang anak Melayu yang sedari damit sudah di-ajar supaya pandai membalas budi, maka apa-kah sa-suatu yang di-berikan kapada sa-orang pegawai kerajaan itu atas nama membalas budi atau mengenang budi itu rasuah? Andai-nya awda sa-orang anak muslim yang sedari damit sudah di-didek dan di-galakkan bersedekah, maka apa-kah sa-suatu yang di-berikan atas nama sedekah kapada sa-orang pegawai kerajaan itu rasuah ?

Memandang kapada 'Trend' masharakat hari ini yang terlalu ghairah berdailog mengenai rasuah menurut istilah masing2, maka radio berpendapat apa-kah perlu ia menerbitkan sa-buah ranchangan korapsi untok memberikan pengenalan atau gambaran takrif atau istilah mengenai rasuah itu, supaya kita sama2 mengerti apa yang kita perkatakan dengan ghairah itu.

Setakat ini radio belum pernah merakamkan sa-suatu keterangan sa-chara ilmiah yang menchakup semua aspek yang di-katakan rasuah itu, sekira-kira dapat di-mengerti oleh masharakat sa-bagai pengenalan INI-LAH RASUAH. Sa-lama ini kita chuma berchakap mengenai rasuah saperti mana para pelukis berchakap mengenai Mona Lisa.

Umom-nya orang ber-

**Barangkali sudah tiba masa-nya radio menerbitkan ranchangan korapsi untok pengetahuan umom**

**Apa-kah orang2 yang bermati-matian berkerja di-hadapan tuan-nya sedang di-belakang tuan-nya lain bichara termasok dalam rasuah? Atau orang2 "pengular" dalam menjalankan kerja sa-hari itu termasok dalam istilah korapsi.**

MAJLIS TAKLIMAT

LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM

# SOAL PERKAUMAN TIDAK BERBANGKIT DI-NEGERI INI



Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika mera'ikan masharakat China, di-tempat kediaman-nya pada malam Ahad lalu.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menyatakan bahawa di-Brunei tidak berbangkit pergeseran antara kaum bahkan ia-nya tidak patut di-bangkitkan.

Kata-nya, kedudokan orang2 China yang maju dan kuat dalam ekonomi negeri ini sunggoh pun di-chemburui tetapi kechemburuan itu dapat di-kawal.

Faktor penting yang menyebabkan keadaan ini dapat di-kawal, tegas Awang Haji Badaruddin ia-lah kerana majoriti pendudok2 dan raayat di-negeri ini menaroh keperchayaan kapada kerajaan akan melindongi mereka menurut ketetapan Perlembagaan Undang2.

## PERKAUMAN

Awang Haji Badaruddin menyatakan demikian ketika memberikan taklimat kapada Masharakat China yang mengikuti taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-sini pada hari Sabtu lepas.

Menurut-nya lagi, soal2 perkauman tidak semesti-nya berbangkit di-Brunei ia-lah kerana soal2 yang selalu membangkitkan pergeseran kaum saperti isu ugama, kuasa memerentah, bahasa dan taraf Kebangsaan atau keraayatan telah pun di-tentukan dengan bijaksana dalam Perlembagaan dan Undang2 Taraf Kebangsaan Negeri Brunei 1961 yang kedua2-nya berkuat kuasa dengan baik.

Terdahulu dalam taklimat-nya beliau menjelaskan bahawa orang2 China di-negeri ini ada-lah di-kenali sa-bagai peniaga dan di-sebut dengan panggilan 'taukeh' pada hal kata-nya bukan semua mereka dalam profeshen berniaga tetapi imej sa-bagai 'taukeh' itu ada pertalian dengan latarbelakang kedudokan orang2 China yang datang ka-negeri ini.

## PANDANGAN

Di-setengah2 negeri kedudokan yang kukoh dalam bidang ekonomi bagi pendudok atau raayat dari kaum China, kata Awang Haji Badaruddin itu lagi, telah menyebabkan persaingan antara kaum yang di-tambah lagi dengan kemajuan masing2 kaum dalam bidang politik maka persaingan itu sampai ka-garis pergeseran yang sangat menghkhuatirkan.

"Saya perchaya maklumat ini sedia ada dalam fikiran Awang2, apa yang belum jelas saya ketahui ia-lah samada Awang2 mempunyai pandangan atau pendapat yang bertujuan menyama2kan keadaan di-luar negeri ini dengan keadaan di-Brunei ini. Umom-nya orang2 mudah membandingkan antara keadaan dalam negeri dan luar negeri dan hal itu ada-lah perkara biasa yang boleh di-mengerti," kata-nya.

"Saya berharap Awang2 maseh ingat akan kaedah dalam ilmu lojik yang menetapkan bahawa sa-suatu itu chuma boleh di-samakan dengan suatu yang lain jika ia-nya mempunyai aspek2 persamaan dengan-nya dan untok menyama antara keadaan luar negeri terlebeh dahulu hendak-lah di-tentukan kedua2 keadaan ia-itu dalam negeri dan luar negeri," jelas Awang Haji Badaruddin.

# Kerajaan memperuntokan $1,334 juta bagi pelaboran dalam RKN ke-4

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, Datin Hajjah Jusnani binte Haji Lawie menyatakan bahawa dalam Ranchangan Kemajuan Negara Ke-empat 1980-84, Kerajaan memperuntokan pelaboran sa-jumlah $1,334 juta.

Sementara itu, kata-nya, pelaboran dari pehak2 swasta di-negeri ini pula ada-lah di-perlukan sekurang2-nya sa-banyak $900 juta.

## PELABORAN

Menyatakan demikian ketika memberikan taklimat kapada Masharakat China yang mengikuti siri taklimat Bahagian Penerangan yang di-adakan di-sini baru2 ini, Datin Hajjah Jusnani seterus-nya berkata bahawa jumlah pelaboran dari pehak swasta sa-demikian ada-lah sangat di-perlukan dan di-kehendaki supaya kemajuan dan sumber ekonomi di-masa2 yang akan datang akan lebeh terchapai.

Menurut-nya, bahawa dalam Ranchangan Kemajuan Negara Ke-empat, Kerajaan akan lebeh memperuntokan kewangan di-bidang pertanian yang mana ini ada-lah merupakan satu objektif dan matalamat kerajaan di-mana peruntokan dalam sektor ini juga meningkat dari Ranchangan Kemajuan Negara yang lalu.

Di-samping itu, kerajaan juga menguntokkan bagi tapak2 perindustrian dan perniagaan yang mana perkara ini kata-nya, ada-lah semata-mata bermatalamatkan dan bertujuan



Datin Hajjah Jusnani.

untok menggiatkan pehak2 swasta dalam perkembangan2 yang sa-laras dengan perkembangan2 yang di-adakan oleh kerajaan.

"Peruntokan yang di-sediakan di-Ranchangan Kemajuan Negara Ke-empat ini termasok-lah pembenaan2 jalan-raya, pembesaran Pelabohan Ayer Dalam Muara, menyedia serta melengkapkan kemudahan 'telecommunication' dan lain2 lagi.

## STRATEJI

Berhubong dengan tujuan Ranchangan Kemajuan Negara Ke-empat ini, Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi itu selanjut-nya berkata bahawa tujuan-nya ada-lah sama saperti RKN ketiga (1975-79) ia-itu melalui strateji jangka pendek ia-lah saperti pemeliharaan kadar pekerjaan yang tinggi dan mengadakan peluang2 pekerjaan, mempelbagaikan ekonomi melalui kemajuan pertanian dan perindustrian serta pada menchapai kadar pertumbohan ekonomi yang minima sabanyak enam peratus satahun.

Sementara tujuan2 dan matalamat jangka panjang-nya (20 tahun) pula ia-lah pada dan untok mengujudkan sa-buah masharakat yang bersatu padu, makmor serta berdaulat.

## PELUANG RAAYAT

Datin Hajjah Jusnani seterus-nya menggariskan tentang matalamat RKN ke-empat yang jangka waktu panjang-nya itu antara-nya termasok-lah menyediakan apa2 peluang bagi raayat di-negeri ini untok ikut serta dalam semua jenis kegiatan tanpa mengira bangsa dan asal keturunan, menyediakan satu sistem pendidekan kebangsaan; menghidup serta memperkembangkan kemajuan kebudayaan Brunei dan adat istiadat, memaju dan memperkembangkan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap; berusaha untok mengurangkan dan mengelakkan perbezaan kemakmoran dan pertumbohan yang jelas di-antara kawasan2 atau daerah2 serta untok mengujudkan dan memajukan belia2 yang berdisiplin, dinamik serta bertanggong-jawab.

Berhubong dengan projek2 RKN ke-empat ini saperti juga RKN ketiga, masaalah utama yang di-hadapi, kata Datin Hajjah Jusnani ia-lah mengenai dengan kerumitan pada mengambil pekerja2 asing untok menjalankan segala projek2 yang akan di-laksanakan.

Dan untok itu, kerajaan, baru2 ini telah pun meluluskan satu dasar supaya pekerja2 asing yang di-kehendaki bagi projek2 pembangunan, projek2 kerajaan besar2an dan projek2 yang berhubong de-

Lihat muka 12




BERGAMBAR ramai dengan Ketua Pegawai Penerangan Awang Haji Badaruddin dan Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, Datin Hajjah Jusnani.

# Liputan di-perjumpaan pertama antara Y.A.B. Pmk. Menteri Be[s]
# Y.B. Pmk. S.U.K. dengan ketua2 Jabatan2 Kerajaan



DUDOK di-belakang ia-lah Pengawal Kastam dan Bea, YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Pemangku YDP Adat Istiadat, YAM Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof, Pemangku Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Dato Paduka Awang Haji Ali. (Dudok di-depan) Penchetak Kerajaan, Awang S. M. Buse; Timbalan Juru Odit Agong, Awang Daniel Yapp; Ketua Jabatan Lembaga Pepereksaan, Awang Kiffi bin Bujang dan Pengawal Penjara, Awang Abdul Wahab bin Haji Mohd Said.



(Dari kiri) Timbalan Pengawal Jabatan Kenderaan Darat, Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim; Pemelihara Hutan, Awang Haji Mahari bin Mohd Said; Pesurohjaya Jabatan Kemajuan Kerjasama, Awang Mahmud bin Bakyr; Pmk Pengarah Perjawatan, Awang Selamat bin Munap dan Pengawal Pasokan Bomba, Awang Haji Yaakob bin Haji Mohd Yusof.







PENGARAH Kerja Raya, Pengiran Ismail ketika menghadapkan masaalah di-majlis itu mengharapkan projek2 jabatan Kerajaan di-hantar terlebeh awal (atas kiri).

Ketua Jurutera Letrik, Malai Ali . . . mengharapkan badan2 yang di-bentok oleh Kerajaan untok tujuan pembangunan di-selaraskan dengan keperluan2 lain jabatan termasok pembekalan tenaga letrik (atas).

Awang Mahmud . . . . . menimbulkan masaalah tukar-menukar, sambil mengharapkan supaya tempoh masa yang di-berikan untok proses2 pertukaran itu tidak sa-singkat yang pernah di-lakukan (kiri).

## UTAMAKAN AMALAN BERUNDIN[G]
## SURAT-MENYURAT YANG M[...]

ANTARA yang mengisikan lembaran awal tahun hijrah 1402, sa-lain dari mengkhususkan pendekatan2 dari segi tuntutan2 keugamaan dalam semua segi, maka bidang pentadbiran kenegaraan juga mengambil tempat dengan bermatalamatkan ka-arah satu pentadbiran yang jujor dan amanah, berdisiplin serta dedikasi lagi effishen.

Dari inisiatif Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abd Rahman bin Dato Setia Awang Haji Md Taib, satu perjumpaan telah di-adakan antara Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dengan seluroh ketua2 jabatan Kerajaan.

### SA-CHARA TERBUKA

Perjumpaan yang julong2 kali-nya di-adakan sa-chara terbuka itu telah berlangsong di-Mess Pegawai Pasokan Pulis Diraja Brunei di-Gadong pada hari Selasa, 3hb Nobember, 1981 bersamaan dengan 6hb Muharram, 1402.

Sa-lain dari Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, maka dalam barisan pegawai2 tinggi Kerajaan yang turut menghadapi ketua2 jabatan Kerajaan itu ia-lah Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja, Pengiran Bahrin; Penasehat Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin; Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee, dan, pegawai2 kanan dalam Jabatan Setia Usaha Kerajaan yang di-ketuai sendiri oleh Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan yang juga mempengerusikan perjumpaan itu.

Isu penting yang di-ketengahkan dalam perjumpaan itu ia-lah mengenai dengan mutu pentadbiran yang perlu pada peningkatan keeffishenan, dedikasi, jujor, amanah dan berdisiplin.

### PERLU DI-SEGERAKAN

Kerana itu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan dalam uchapan pembukaan-nya di-perjumpaan itu menegaskan tentang betapa perlu-nya perjumpaan yang demikian itu di-segerakan dan di-adakan sa-chara terbuka sambil mengharapkan yang ketua2 jabatan itu mengketengahkan pandangan2 dan pendapat2 mereka dalam apa jua bidang terutama dari segi pelaksanaan pentadbiran.

Perjumpaan pertama ini ada-lah juga merupakan satu rintisan bagi mengadakan perjumpaan2 selanjut-nya pada masa2 yang akan datang jika ia-nya di-dapati dapat di-gunakan sa-bagai asas pada menchapai kata-sepakat dalam memaju dan mengemaskan hal ehwal pentadbiran demi kepentingan raayat dan negara saperti mana yang pernah di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan baru2 ini.

Pada mendokong titah itu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan berharap agar sa-tiap Ketua Jabatan akan faham sa-benar2-nya bahawa Yang Berhormat Pemangku Menteri Besar dan beliau sendiri tidak mungkin dapat bekerja, berusaha sendirian tanpa bantuan kerjasama dan sokongan Ketua2 Jabatan.

"Saya dengan sa-ikhlas2-nya meminta Ketua2 Jabatan semua-nya memikirkan bersama2 dan merenong bagaimana peranan masing2 yang akan di-perbaiki pada memenohi titah perentah dan melaksanakan tugas2 yang telah di-pertanggongjawabkan kapada kita itu," tegas Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan.

### TUJUAN YANG SAMA

Beliau terus terang mengatakan bahawa sa-tiap Ketua Jabatan ada-lah berusaha menurut garis2 yang telah di-tentukan dan sa-tiap kita ada-lah menjalankan usaha dengan tujuan yang sama.

"Dengan sebab itu tidak-lah terdapat pehak atau pun section di-kalangan ketua2 jabatan yang memikirkan bahawa usaha-nya ada-lah di-jalankan-nya tanpa melibat atau mengharapkan bantuan2 dan usaha2 dari jabatan2 lain," tegas-nya.

Menekankan kedudokan Jabatan Setia

## Pmk. Menteri Bes[ar ...]
## berikut di-laksana[...]

DUA perkara berikut hendak-lah di-laksanakan dengan sungguh2 di-perengkat awal ini:

★ **Ketua2 Jabatan di-seru awasi sa-tegoh mana penyimpanan perkara2 rahsia dan sulit itu di-lakukan oleh kakitangan mereka;**

★ **Ketua2 Jabatan di-ingatkan agar kakitangan mereka menumpukan sa-penoh perhatian kapada kerja dan mengelakkan dari membuang masa di-kedai2 kopi, di-pasar2 atau melakukan urusan2 persendirian di-masa bekerja.**

Demikian dua perkara yang di-tekankan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz sa-bagai perkara2 yang perlu di-betulkan di-perengkat awal ini terhadap kakitangan masing2, di-samping sekali gus membuat usaha2 ka-arah pentadbiran yang effishen, chergas, jujor, amanah dan menjalankan tugas dengan sempurna.

Mengenai dengan perjumpaan itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar mengharapkan yang chorak perjumpaan tersebut akan dapat di-develop dan di-jadikan sa-bagai "forum" yang hasil dari-nya akan di-jadikan bahan penelitian dan pertimbangan.

Dalam menggulong hasil perjumpaan itu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan yang juga

Oleh: Jaafar Ibrahim
Gambar: Haji Sharbini
Ak. Bakar
Ak. Bahar

# RI MENGEMUKAKAN

# T2 — Pmk. S.U.K.

Berhormat itu atan Setia Usaha tok menghalang akan tugas2 me- benar-nya tang- a Usaha Kera- bahawa usaha2 alan lanchar me- Kerajaan.

## DALAM

beh dekat akan maka di-waktu2 jabat Setia Usaha rhadapan dengan masa ka-semasa. tersebut mende- itu mula meni- dan memikirkan lagi perkara2 da membolehkan gan lanchar-nya hidmatan kapada adbiran yang ada hasrat Kebawah a Paduka Seri ng Dipertuan sa- kan.

umpaan yang sa- ormat Pemangku memandang-nya akan pada mem- u Menteri Besar

dan Yang Berhormat itu sendiri mengadakan "constant dailog" dengan ketua2 jabatan dalam perkara2 yang tertentu yang mana ia-nya juga harus di-ketahui oleh jabatan2 yang berkenaan.

## PERANAN YANG BERKESAN

"Dengan jalan sa-demikian sa-tiap Ketua Jabatan akan dapat memahami dasar2 atau perkara2 yang perlu di-ketahui mereka dari semasa ka-semasa dan sedikit sa-banyak akan dapat memainkan peranan yang lebeh berkesan dalam pembangunan negeri," jelas Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu.

Berkaitan dengan matalamat ini, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu menarek perhatian terhadap sistem hubongan antara jabatan2 yang perlu kapada satu perubahan yang lebeh meyakinkan.

Kata-nya, ketua2 jabatan itu ada-lah di-galakkan berhubong mesra antara satu sama lain yang tujuan-nya bukan sahaja untok memahami pendirian masing2, bahkan juga memahami usaha jabatan masing2. Yang Berhormat itu mengingatkan bahawa perjalanan pentadbiran sachara bersurat yang meleret2 "sudah ketinggalan zaman". Galakan2 supaya amalan "berunding dengan mesra dan selesa" akan dapat di-laksanakan dengan sebaik2-nya.



PERJUMPAAN pada hari itu di-akhiri dengan jamuan makan tengah hari dan beramah mesra dengan Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa (gambar atas).

## gingatkan dua perkara

## dengan bersunggoh2:

**Jabatan di-seru awasi sa-tegoh enyimpanan perkara2 rahsia dan di-lakukan oleh kakitangan**

**Jabatan di-ingatkan agar kaki- mereka menumpukan sa-penoh kapada kerja dan mengelak- membuang masa di-kedai2 -pasar2 atau melakukan persendirian di-masa kerja.**

mendapati ba- u ada-lah di- rohan-nya. Ka- rus di-buat bagi an2 yang seru- akan di-tetap-

Yang Berhormat ar perjumpaan2 tidak akan di- pat untok me- lainkan untok bagi menyem-

purnakan dan melichinkan kerja2 pentadbiran, terutama yang berkaitan dengan orang ramai.

Yang Berhormat itu juga berharap yang ketua2 jabatan akan dapat membiasakan amalan berunding dengan Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada bila2 masa sahaja, terutama terhadap perkara2 yang di-fikirkan perlu pada tindakan2 segera. "Pintu Jabatan Setia Usaha Kerajaan ada-lah senantiasa terbuka untok Ketua2 Jabatan berunding," tegas-nya.





YANG Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abd Rahman (gambar atas).

(Dari kiri) Pengerusi Lembaga Bandaran, Awang Haji Puasa, Pengawal Imigeresen dan Pendaftar Taraf Kebangsaan, Dato Abidin bin Abdul Rashid, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin, Pengawal Setor2 Kerajaan, Awang Haji Yahya dan Pengawal Pelabohan2, Dato Anthony Chin (atas kanan).





TIMBALAN Pengarah Pelajaran Awang Haji Suni bin Haji Idris, Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria dan Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad.

PEGAWAI Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Haji Abdullah; Juru Tulis Majlis2 Mashuarat, Dato Paduka Haji Judin; Pesurohjaya Tanah, Awang Haji Mohammad dan Pegawai Daerah Tutong, Awg Haji Chuchu.

MAJLIS TAKLIMAT

LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM

## Pekerja2 asing

Dari muka 9

ngan serta projek2 swasta boleh-lah membawa pekerja2 dari negeri yang dahulu-nya tidak di-benarkan ia-itu saperti Bangladesh, Filipina dan Thailand.

Walau bagaimana pun kata-nya membawa masok pekerja2 asing ada-lah mengikut sharat2 yang tertentu ia-itu sa-tiap majikan di-kehendaki menghantar pulang pekerja2 asing apabila kontrek mereka tamat dan mereka tidak-lah di-benarkan bertukar majikan semasa di-Brunei; tiap2 majikan ada-lah bertanggong-jawab bagi menyediakan tempat tinggal yang sesuai serta pekerja asing tidak boleh di-pertimbangkan bagi perusahaan kechil, kedai2 kampong dan sharikat2 kerjasama.

Menyentoh mengenai tentang ada-nya sa-tengah pengusaha2 dan peniaga2 di-negeri ini yang mengatakan bahawa anak2 tempatan tidak mahu bekerja di-tempat2 mereka, Datin Hajjah Jusnani menjelaskan bahawa keadaan ini tidak mungkin berlaku.

### TAWARAN

Kerana, kata-nya, punchа anak2 tempatan tidak mahu bekerja ia-lah besar kemungkinan tawaran yang di-berikan kapada mereka ada-lah berlainan dengan tawaran yang di-berikan kapada pekerja2 asing.

Maka untok itu, Datin Hajjah Jusnani menyeru peniaga2 dan pengusaha2 yang bukan bumiputera memikirkan sa-dalam2-nya dan menchari mengapa anak2 tempatan tidak mahu bekerja di-tempat2 mereka.

"Ada-lah menjadi tanggong-jawab biskita untok memikirkan dan jangan-lah di-serahkan bulat2 kapada kerajaan dan jangan selalu mengambil pekerja2 asing dengan tidak terlebeh dahulu mengambil langkah2 yang tertentu untok melateh anak2 tempatan dengan mengadakan sekim2 tertentu," kata-nya lagi.

"Saya perchaya peniaga2 yang telah berkechimpong beberapa tahun di-Brunei tentu akan dapat memikirkan sendiri sa-hingga ini berapa banyak-kah sudah peruntokan telah di-sediakan untok melateh dan chuba lihat sendiri pernah-kah biskita membelanjakan untok melateh anak2 tempatan di-negeri ini," tanya Datin Hajjah Jusnani.

Kerana, tambah-nya, daripada apa yang di-teliti pada masa ini, pengusaha2 hanya menghadapkan 'kami mahukan orang yang berpengalaman, berpengetahuan' tetapi kata-nya lagi, mengapa tidak di-berikan peluang pada melateh atau memberi pengalaman dan pengetahuan kapada anak2 tempatan untok bekerja di-tempat2 mereka.

# GUNAKAN DAN TUTORKAN BAHASA MELAYU DENGAN SEBAIK2-NYA — Pengarah D.B.P.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pg. Badaruddin bin Pengiran Ghani, menegaskan bahawa Brunei yang akan merdeka pada penghujong tahun 1983 nanti ada-lah amat beruntong kerana isu bahasa telah dapat di-selesaikan.

Namun demikian sa-bagai satu bangsa yang akan di-satukan melalui bahasa rasmi, kita perlu meninjau tentang kemampuan raayat dan pendudok di-negeri ini pada menggunakan Bahasa Melayu itu dengan baik dan sempurna ia-itu dari segi perchakapan atau pertutoran sa-hari2 dan sempurna di-bidang penulisan dan persuratan.

### "PACHAH2 BIJI"

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu menegaskan demikian ketika memberikan taklimat kapada 40 orang Masharakat Tiong Hwa di-negeri ini yang menyertai-nya siri taklimat anjoran Bahagian Penerangan pada hari Sabtu 7hb. Nobember lepas.

"Ada-lah tidak keterlaluan jika saya menyatakan bahawa kita sa-bagai bangsa Brunei amat merasa dukachita sekali jika maseh lagi terdapat 'jelama Brunei' yang apabila berchakap dan bertutur dalam Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Rasmi Negara mereka berchakap pachah2 biji, maseh batenglor lidah asing, tonggang tabalik nahu atau tata bahasa-nya dan tidak di-fahami maksud isi-nya."

Sedangkan mereka itu, kata-nya lagi, ada-lah terdiri daripada raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan atau warga negara Brunei yang mengakui diri-nya taat setia kapada Raja dan negeri ini.

Menurut Pengiran Badaruddin, pada meletak dan mempastikan Bahasa Melayu itu berkualiti tinggi serta berfungsi sa-bagai bahasa perhubongan, bahasa ilmu pengetahuan dan bahasa pentadbiran maka kita perlu dengan sa-berapa segera-nya melaksanakan satu sistem persekolahan dan pendidekan kebangsaan di-seluroh negeri dengan menjadikan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa penghantar utama dalam semua pelajaran di-semua sekolah dari peringkat rendah ka-peringkat tinggi.

"Saya yakin dengan chara begini kita akan dapat melahirkan bangsa Brunei yang berfikir, berchakap dan bertindak dalam satu bahasa yang sa-chara langsong pula akan dapat menyatu-padukan seluroh lapisan masharakat di-negeri ini melalui Bahasa Melayu yang di-kanunkan dalam Perlembagaan Bertulis 1959 sa-bagai Bahasa Rasmi negara dalam erti atau definisi yang sa-benar2-nya, tegas Pengiran Badaruddin.

### BAHASA RASMI

Perkara sa-umpama ini, kata-nya lagi, perlu kita laksanakan pada memenohi kehendak Undang2 Perlembagaan 1959 yang memperuntokkan dan menjelaskan bahawa Bahasa Melayu ada-lah menjadi Bahasa Rasmi Negeri Brunei Darussalam.

Bagi melaksanakan dan menyempurnakan maksud dan kehendak2 dan tujuan itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, tambah-nya, telah memperkenankan penubohan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka di-amanahkan bertanggong-jawab dan berfungsi penoh sa-bagai badan pembenaan dan pengembangan Bahasa.

Di-samping itu, jelas Pengarah DBP itu lagi, jabatan itu juga merupakan sa-buah pusat kegiatan dan perkembangan sastera serta kebudayaan kebangsaan dan sa-buah badan penerbitan buku2 yang terbesar di-negeri ini di-samping berfungsi mengendalikan perpustakaan Kebangsaan di-seluroh negeri.

Konsep pembenaan dan pengembangan bahasa yang di-gunakan oleh Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, tegas Pengiran Badaruddin ia-lah dari segi peranchangan bahasa sa-chara sedar untok menchapai chita2 atau tujuan tertentu.

Dalam hubongan Negeri Brunei pula, Pengarah DBP itu seterus-nya menjelaskan bahawa proses pembenaan dan pengembangan bahasa yang di-jalankan berhubong an negara atau 'nation building', ia-itu dengan menjadikan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi dalam semua sektor terutama sektor2 pendidekan, pentadbiran dan undang-undang.

Pengiran Badaruddin menjelaskan bahawa Bahasa Melayu ada-lah merupakan bahasa yang kelima terbesar di-dunia dengan di-tutorkan oleh lebeh daripada 200 juta orang manusia.



PENGARAH DBP, Pengiran Badaruddin (no. 2 dari kanan) ketika memberikan taklimat. Hadhir sama ia-lah Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin.



SA-BAHAGIAN dari peserta yang menyertai taklimat tersebut.

# Brunei memerlukan raayat yang taat dan bertanggong-jawab

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-bagai sa-buah negera yang akan merdeka, Brunei memerlukan raayat dan pendudok2 yang mempunyai semangat taat setia kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, chinta dan bertanggong-jawab kapada bangsa dan tanah ayer.

Yang mana semangat sa-umpama ini selaras dengan kehendak2 pertumbohan dan perkembangan kemajuan bangsa dan negara baik dari segi ugama, politik, ekonomi, masharakat, kebudayaan dan chara hidup sa-bagai satu bangsa Brunei yang mempunyai identiti sendiri.

Untok menchapai tujuan itu, kita memerlukan chorak pendidekan khas yang mana bentok serta isi kandongan pengajaran itu hendak-lah berasaskan dan berpandukan kapada semangat2 sa-demikian.

Demikian telah di-tegaskan oleh Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Hj. Suni bin Haji Idris ketika memberikan taklimat kapada masharakat Tiong Hwa di-Majlis Taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini baru2 ini.

Menurut-nya, untok menyampaikan maksud yang di-sebutkan kita juga memerlukan pendidekan yang berchorak sa-rupa supaya fahaman terhadap maksud itu tidak berchabang-chabang atau berbeza-beza antara sa-orang raayat dengan sa-orang raayat yang lain.



Awang Haji Suni

Dengan jalan ini juga, tambah-nya, taat setia kapada Kebawah DYMM itu dapat di-laksanakan dengan sepenoh2-nya yang bukan hanya di-lafadzkan sa-chara penguchapan tetapi di-tanamkan dalam hati dan di-laksanakan dengan perbuatan yang sesuai.

Sebalek-nya jikalau chorak pelajaran di-negeri ini berbeza2 menurut apa yang di-kehendaki oleh tiap2 orang raayat persendirian, jelas Awang Haji Suni itu lagi, sudah tentu akan menimbulkan berbagai2 pendidekan yang masing2 dengan ayun lambai-nya yang mana perkara ini tidak lagi bersesuaian dengan kehendak pendidekan Brunei yang berkehendakkan sa-tiap raayat dan pendudok-nya semata-mata menumpukan taat setia kapada Kebawah DYMM.

"Walau pun ada diantara raayat dan pendudok Negeri Brunei ini yang berasal dari negeri lain tetapi, sa-sudah ia menukar taraf keraayatan atau telah bermastautin di-negeri ini sa-belum mereka mengambil keputusan sa-demikian sudah tentu mereka ini telah menyedari bahawa mereka sepatut-nya menumpukan taat setia mereka kapada Sultan dan negeri tempat mereka sedang berlindong tanpa berbelah bahagi," kata-nya.

Beliau menambah, menurut kelaziman yang di-amalkan oleh negeri2 di-dunia ini sa-siapa juga telah menjadi raayat bagi sa-buah negeri itu maka dengan sendiri-nya taat setia mereka kapada negeri asal-nya itu telah di-luchutkan maka dengan jalan itu akan lahir-lah rasa tanggong-jawab mereka kapada negeri ini sa-mata2.





## …N KORAPSI

…wa penger-
… ia-lah bila
…ai kerajaan
…g sogokan
…mai kerana
…patkan sa-
…da dalam
… itu me-
…au mengu-
…an-nya. Da-
… ini orang
… wang itu
…TOR, yang
… si-peneri-

… sama-lah
…dengan sa-
… meminjam
…ma tukang
…g itu saja
…riba, tetapi
…yang mem-
… di-anggap

…sudah tiba
… menerbit-
…n korapsi
…engetahuan
… ada-nya
…n ini orang
…mahami sa-
…n luas pe-
… itu, umpa-
…h orang2
…n bekerja
…an-nya se-
…g tuan-nya
…masok da-
…tau orang2
…m menja-
…a-hari2 itu
…alam istilah
… pekedai2
…ok' timba-

ngan itu pun tergolong dalam pengertian rasuah? Atau orang yang pandai menyuroh orang sembahyang itu tetapi dia sendiri tidak sembahyang pun termasok dalam pengertian rasuah?

Oleh kerana kita ini sama-sama tidak mempunyai pengertian yang sa-benar mengenai rasuah itu, maka mungkin ada orang yang mengatakan sa-seorang itu rasuah sedangkan diri-nya juga salah sa-orang dari koraptor tanpa di-sedari.

Menimbangkan segala persoalan ini maka radio sa-chara serius memikirkan bagi menerbitkan sabuah ranchangan korapsi, bukan koporasi, untok pengetahuan umom, supaya tidak janggal bunyi-nya bila kita berbichara mengenai topik itu di-masa hadapan. Chuma yang agak menghalang penerbitan ranchangan ini segera ia-lah kesulitan kita mendapatkan orang yang betul2 komitan memperkatakan tajok ini dengan selengkap-nya bukan setakat memperkatakan-nya berpandukan semangat hati semata-mata, tetapi sa-orang pakar undang2 yang bichara-nya terpakai di-dalam dan di-luar mahkamah. Insha Allah radio akan mengusahakan-nya.

RANCHANGAN Kampong Terpuji pada minggu ini ada-lah merupakan siri terakhir dalam lawatan Bahagian Melayu dalam mengusahakan dan meninjau kegiatan dan kemajuan kampong yang menyertai. Kampong mana-kah yang di-ramal sa-bagai kampong yang terpuji? Mungkin para pendengar dapat meneka dan menilai sa-jauh ranchangan ini di-udarakan.

Terdapat 25 buah kampong yang turut serta dalam peraduan kampong terpuji. Sa-panjang peraduan ini di-jalankan kerjasama dari pendudok kampong begitu mengalakkan. Dari itu pehak penganjor tidak lupa menguchapkan ribuan terima kaseh atas kerjasama yang telah di-berikan oleh pendudok kampong khusus-nya penghulu dan ketua kampong yang terlibat dalam ranchangan Kampong Terpuji. Mengenai dengan keputusan-nya akan di-umomkan melalui Radio dan Talivishen tidak berapa lama lagi.

Kampong yang terakhir dalam siri lawatan Kampong Terpuji ia-lah Kampong Masin yang terletak kira2 15 batu dari Bandar Seri Begawan. Siaran-nya akan ka-udara pada hari Ahad 15hb Nobember jam 2.00 petang.

Ranchangan Kampong Terpuji dapat mengenal lebeh dekat lagi akan kebolehan anak kampong dalam mengusahakan dan meninggikan lagi taraf kesenian dan pertukangan mereka yang asli. Kelihatan Dk Rasinah Pg Haji Kahar beramah mesra dengan sa-orang wanita yang bergiat bermacham-macham anyaman (gambar kanan).

Begitu-lah suasana yang dapat kita lihat bagaimana pendudok kampong menjayakan Ranchangan Kampong Terpuji ketika pehak penganjor mengadakan rakaman ka-Kampong Masin (gambar kiri).



**SIRI kanak2 "Falcon Island" di-bintangi oleh Greg Duffy, Justin Hollyock dan Francesca Shoesmith. Siri ini di-tayangkan kira2 jam 6.05 petang.**



SERBANIKA HIBORAN, merupakan ranchangan yang di-minati ramai di-waktu ini. Ranchangan ini mengemukakan seniman dan seniwati tempatan dan luar negeri mengenai dengan kegiatan2 dan kejayaan2 yang di-perolehi di-bidang seni suara, perfileman dan sa-bagai-nya.

Sambil itu, para pendengar akan di-hiborkan oleh penerbit-nya dengan beberapa buah lagu keluaran baru.

Dalam gambar keihatan penerbit Serbanika Hiboran, Dayang Helen Thu sedang bertemuramah dengan sa-orang penyanyi tempatan yang meningkat nama-nya, Awang Affendy Agus, sa-orang penyanyi dalam Kugiran Heart's Desire.

Ranchangan ini akan ka-udara pada hari Isnin, 16hb Nobember jam 5.00 petang.

## …DANG DAGING …CHANG PEAS

… yang elok (hiris nipis2)
…ntan pekat
… tomato sos
…nyak kelapa (untok menumis)
…kachang peas
… (di-hiris halus2)
… dan asam jawa sa-chukop-nya.

… merah
… puteh
…ering.

…nya :

…ng kechil2, sate-lah di-bersehkan di-gaul de-
… di-giling halus tadi. Panaskan minyak da-
…n tumis bawang puteh hingga kuning dan
… daging yang telah di-gaul tadi. Bila sudah
…n santan dan tomato sos dan biarkan di-
…ering dan empok, kemudian masokkan ayer
… daging kelihatan maseh belum empok,
…h dengan sa-chawan ayer. Masak-lah sa-
… daging bersalut dengan rempah. Bila hen-
…-lah di-masokkan kachang peas.

# RANCHANGAN TVP DARI 16HB. HINGGA 22HB. NOB.

### ISNIN — 16HB NOB

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 478
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti PA' LONG, HALAMAN MENGAJAR, AMIN, MAIN BAKUL, DI-MANA TEMPAT-NYA dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 478.

### SELASA — 17HB NOB

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 479.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, HALAMAN BELAJAR, KATA SI-MANIS, MENYANYI, MAIN BANG dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 479.

### RABU — 18HB NOB

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 480.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, LUKISAN DARI RUMAH, BELON SI-MANIS, MENEKA BUNYI, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah BURONG HANTU DENGAN KELAWAR.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 480.

### KHAMIS — 19HB NOB

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 481.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, MAIN KIM, SI-AMIN, MAIN KERUSI, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 481.

### JUMAAT — 20HB NOB

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, TUNJOK BENDA, PETI SURAT, MENYANYI, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok Cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah SI-HIJAU.

### SABTU — 21HB NOB

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 482.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti RUANGAN BERLAKUN, TEKA BENDA, SI-MANIS, DI-MANA TEMPAT-NYA, MARI MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 482.

### AHAD — 22HB NOB

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, TUNJOK BENDA, SI-AMIN, MAIN BOLA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah ANAK YANG BAIK.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

## TIAP2 HARI:

6.00–6.02 pagi : Allah Peliharakan Sultan

6.02–6.30 pagi : Sinaran Wahyu

6.30–8.30 pagi : Dendang Suria
Bingkisan Hari Ini
Suntingan Hidayah
Peringatan Harian
Panduan Sokan
Bertutor Dalam Bahasa Inggeris

12.00–12.45 T/H : Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)

7.30 malam dan 1.00 tengah hari: Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)

6.00 petang : Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib

10.15 malam : Bachaan Al-Kor'an
10.24 „ Do'a Restu
10.29 „ Allah Peliharakan Sultan.

## WARTA BERITA:

7.00 pagi (Berita2 dalam negeri)
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 t/hari (tiap2 hari Jumaat)
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban)
9.30 Berita Dunia dari BBC London.

**Menyiarkan AZAN:**

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

## GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

### Hari Rabu 11hb. Nob.

PAGI:
7.30 Sudut Pelita
8.30 Rimba Raya
8.45 Persembahan Ku
9.00 Permintaan Pagi Rabu
10.15 Rampaian Joget
10.30 Surat Dari London
10.45 Riang Ria
11.00 Taman Mekar
11.30 Autograph Pendengar

T/HARI:
1.30 Seloka Merpati

PETANG:
2.00 Chitra Irama (SU)
2.30 Tahniah dan uchap selamat
3.15 Hiboran Petang
3.30 Bingkisan Tanah Ayer
4.00 Bangsawan di-udara
4.30 Dendang Dhalan Zainuddin
5.00 Serbanika Hiboran
5.45 Rampaian Asli.

MALAM:
7.00 Rangkaian Lama dan Baru.
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

### Hari Khamis 12hb. Nob.

PAGI:
8.30 Ruangan Kitani
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Penglipor Lara
10.30 Rampaian London
10.45 Aneka Lagu
11.00 Permintaan Suka Ramai.

T/HARI:
1.30 Instrumental Inggeris
1.45 Rimba Raya

PETANG:
2.00 Ira Kenchana.
2.30 Sandiwara Radio (SU)
3.15 Hiboran Petang
3.30 Kuliah Pendidekan Sastera
4.00 Tafsir Al-Koran
4.30 Soal Jawap Ugama
5.00 Persembahan Lagu2 Gambus
5.45 Lagu2 Nasehat.

MALAM:
7.00 Bachaan Surah Yassin
8.30 Bimbingan Al-Koran
9.00 Permintaan Lagu2 Lama
9.45 Hidayat.

### Hari Jumaat 13hb. Nob.

PAGI:
8.30 Pertanian
9.00 Persembahan Gambus
9.30 Tafsir Al-Kor'an (SU)
10.15 Soalan Di-Udara
10.30 Belia Mewakili Zaman-nya
11.00 Bimbingan Al-Kor'an (SU)
11.30 Lukisan Masharakat.

TENGAH HARI:
12.00 Irama Dakwah
12.15 Bachaan Al-Kor'an Menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat
1.15 Qasidah/Nasbid
1.45 Lagu2 Timor Tengah.

PETANG:
2.00 Majallah Radio (SU)
2.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara
3.15 Muzium Di-Udara
3.30 Focus Radio
4.00 Cherpen dan Salokan
4.30 Langgam Suara
5.00 Apa Pendapat Awda.
5.15 Pilehan Juruhebah.
5.45 Suntingan Khutbah Jumaat

MALAM:
7.00 Chitra Irama
8.30 Kampong Terpuji (SU)
9.00 Majallah Ugama (SU)
9.45 Mari Berpantun

### Hari Sabtu 14hb. Nob.

PAGI:
8.30 Focus Radio (SU)
9.00 Riang Ria
9.15 Soalan Di-Udara (SU)
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Varia Peristewa
10.30 Rampai Sari
11.30 Hiboran Untok Adek2.

T/HARI:
1.30 LAGU2 Dari Filem
1.45 Rimba Raya

PETANG:
2.00 Permintaan Hujong Minggu
3.15 Aneka Lagu
3.30 Chitra Irama
4.00 Mutiara Asli.
4.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara.
5.00 Rangkaian Lama dan Baru
5.45 Irama Zapin.

MALAM:
7.00 Titian Budaya
8.30 Cherpen dan Salokan
9.00 Irama Keronchong
9.45 Langgam Suara (SU)

### Hari Ahad 15hb. Nob.

PAGI:
8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Taman Mekar
9.30 Dunia Wanita
10.15 Titian Budaya
10.30 Seloka Merpati.
11.00 Ruangan Ketani
11.30 Suara Kugiran

T/HARI:
12.00 Sandiwara Radio
12.30 Irama Gembira
1.00 Permintaan Dua Steshen

PETANG:
2.00 Kampong Terpuji
2.30 Seloka Merpati
3.15 Hiboran Selingan
3.30 Mari Berpantun
4.00 Arena Sokan
4.30 Chitra-wara
5.00 Selayang Pandang
5.45 Irama di-senja.

MALAM:
7.00 Bangsawan Di-Udara
8.30 Suara Parajurit
9.45 Permintaan Lagu2 Lama

### Hari Isnin 16hb. Nob.

PAGI:
8.30 Serbanika Hiboran
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahaan
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI:
1.30 Bingkisan Tanah Ayer

PETANG:
2.00 Kenangan Mengusik Jiwa
2.30 Permintaan Jiran Tetangga
3.15 Rampaian Joget
3.30 Kuliah Pendidekan Sastera
4.00 Senandong Seloka
4.30 Pertanian
5.00 Komintar Radio
5.15 Pilehan Ku
5.45 Lagu2 Rampaian.

MALAM:
7.00 Selayang Pandang
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Mutiara Asli.

### Hari Selasa 17hb. Nob.

PAGI:
8.30 Suara Perajurit (SU)
9.30 Permintaan Kaum Wanita.
10.15 Irama Hindustan
10.30 Rampaian London
10.45 Lagu2 Rampaian
11.00 Autograph Pendengar
11.30 Dunia Wanita (SU)

T/HARI:
1.30 Lukisan Masharakat (SU).

PETANG:
2.00 Ku Sampaikan Salam
3.15 Gema Silam
3.30 Kuliah Pendidekan Sastera (SU)
4.00 Suara Kugiran (SU)
4.30 Belia Mewakili Zaman-nya (SU)
5.03 Varia Peristiwa
5.15 Sayu dan Merdu
5.45 Senandong Senja.

MALAM:
7.00 Hiboran Pilehan (SN)
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Senandong Malam.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

#### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

8.00 Talk: Music India 3
Vivaldi: Concerto in B minor for 4 violins.
8.45 Tchaikovsky: 1812 Overture
Mahler: 5th Symphony (4th movement)
9.30 Selection of short pieces including: Gilbert and Sullivan Iolanthe (excerpt).
Pucini: La Boheme (excerpt).

#### Thursday

P.M.
8.15 Hello Tomorrow
8.45 Perspective
9.00 In Latin Mood: "Hideo Ito and Flemence Group
9.30 Story Time: "Dear me by Peter Ustine".

#### Saturday

P.M.
8.15 Melody Time
8.45 Fact or Fantasy (repeat).
9.30 Top Of The Pops.

#### Monday

P.M.
8.00 Dateline
8.45 Up The Belait Without A Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre "Shadoe of Magnitude" by Michael Robson.

#### Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.
8.15 Just For You
8.30 Radio Newsreel
9.00 Just For You (continued)
9.30 Stereo Pop Special "The Ian Hunter Band — Side 2.

#### Daily

A.M.
7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays

P.M.
8.30 Radio Newsreel
9.15 News.

#### HOLIDAYS — Friday

A.M.
11.00 Practical World
11.15 Light Music from Netherlands
11.30 Children's Half Hour
12.00 Soundtrack of the Sixties

P.M.
12.45 My Music
1.15 BBC Sports Magazine
8.15 World of Books
8.45 International Money Programme
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Stringsound

#### Sunday

A.M.
11.00 Ideas as they come
11.15 Big Band Sound
11.42 Career Prog.: "Your Choice"
12.00 "Fact or Fantasy"
12.45 Interlude
1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.
8.00 Science Pop
8.15 "Career Series — Your Choice"
8.45 World of Education
9.00 Hot Questions Cool Replies
9.30 Inter School Debate.

# ASTERAWANI INDONG PERGERAKAN SASTERAWAN TANAH AYER

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam usaha-nya untok memupok dan mengembangkan sastera dan budaya. persatuan Asterawani sa-laku indong pergerakan sasterawan tanah ayer telah mengadakan berbagai2 ranchangan dan aktiviti2 jangka panjang dan pendek pada membimbing dan menggalakkan penulis2 tempatan memajukan kreativiti mereka dalam bidang bahasa, sastera dan budaya.

Tetapi soal-nya sekarang, ada-kah sudah Asterawani dapat melahirkan para sasterawan yang bersedia berjuang demi ketaatan dan kechintaan-nya kapada raja, bangsa dan ugama; ada-kah sudah Asterawani dapat menonjolkan para sasterawan yang bukan saja menghasilkan karya2 besar lagi bernilai tetapi juga para sasterawan yang sanggup berganding bahu dengan pakar2 ekonomi, pendidekan, perubatan, sains dan teknoloji yang kesemua-nya di-tuntut sama memainkan peranan masing2 dalam membangunkan imej Negara Brunei ?

Demikian beberapa persoalan yang di-timbulkan oleh Pengiran Badaruddin bin Pg Ghani, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka ketika beruchap sa-jurus sabelum merasmikan Perkampongan Sastera '81 anjoran Asterawani dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan minggu lalu.



SA-BAHAGIAN dari hadhirin dan peserta Perkampongan Sastera '81, di-upachara yang berlangsong di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Jika kegiatan sastera dan perkembangan kreatif yang di-ungkayahkan oleh Asterawani itu dapat memberikan sumbangan yang berguna kapada pertumbohan sastera dan identiti kebangsaan serta pertumbohan intelektual negara maka hal ini patut-lah menjadi titik bermula-nya untok dapat mengujudkan golongan para sasterawan yang di-maksudkan itu," kata beliau lagi.

KERJASAMA ERAT

Dalam pada itu, Pg. Badaruddin juga menyarankan supaya Asterawani akan lebeh menumpukan kegigihan mereka pada mengadakan bengkel, kursus, seminar, foram dan perbinchangan mengenai sastera untok di-sertai oleh para karyawan dan sasterawan di-samping tidak mengabaikan usaha2 untok merapatkan tali silaturrahim yang di-tuntut oleh Islam dengan chara mengadakan hubongan kerjasama sa-rantau yang erat dengan badan2 penulis di-nusantara.

Seterus-nya Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu menyeru para sasterawan tanah ayer supaya dapat menghasilkan karya-karya seni sastera yang sa-laras dengan kehendak2 Ugama Islam yang menghargai taraf kemanusiaan dengan nilai2 yang mulia, sempurna lagi di-redhai oleh Allah s.w.t.

Karya2 seni sastera yang tinggi mutu-nya itu, menurut beliau, ia-lah yang dapat mendorong manusia ka-arah penchapaian ketakwaan, kemakrufan, beramal saleh dan memileki budi pekerti yang tinggi serta pengabdian yang total kapada Allah.

Dengan yang demikian Pengarah Dewan Bahasa itu yakin, para sasterawan yang di-pinjamkan daya chipta-nya, imajenasi-nya, akal-nya, intuisi-nya dan lisan-nya sa-bagai barang2 amanah Allah yang mesti di-pertanggong jawabkan penggunaan-nya di-hadapan Allah di-kemudian hari.



Pengiran Badaruddin.



Awang Sumadi Sukaimi

Awang Sumadi Sukaimi Ketua I Persatuan Asterawani, dalam uchapan alu2an-nya di-majlis itu pula antara lain telah menyentoh berhubong dengan seni lakon dan tarian yang mana beliau berpendapat pendokong seni sastera dan budaya bangsa perlu memikirkan dengan penoh teliti dan bertindak sachara halus bagaimana chara-nya untok membisaikan lagi serta memajukan bidang2 tersebut.

Beliau berpendapat, andai-nya seni lakon dan seni tari itu di-akui sabagai pelambang atau media churahan chitarasa, kegiatan2 yang menjadi harapan individu atau masharakat baik ia sa-bagai hiboran atau pengajaran atau mungkin juga pendidekan tentu-lah itu merupakan sesuatu yang bernilai, dan sa-tiap yang bernilai itu perlu di-jaga untok mengekalkan ketinggian nilai-nya. Dan salah satu chara yang bijak untok mengekalkan dan mengembangkan-nya ia-lah dengan menjadikan-nya sa-bahagian dari unsor2 pendidekan atau pengajaran yang sehat.

PROJEK TAHUNAN

Perkampongan Sastera yang di-adakan sa-lama lima hari yang bermula pada 28hb. Oktober lepas ada-lah merupakan salah satu projek tahunan Persatuan Asterawani. Perkampongan sastera tahun ini di-beri thema "Drama dan Pendidekan".

Untok menyesuaikan dengan thema tersebut perkampongan sastera pada tahun ini telah di-isikan dengan achara2 yang berhubong dengan drama dan seni lakon termasok juga persembahan theater kanak-kanak. Lebeh 100 orang peserta telah menyertai perkampongan tahun ini, mereka itu termasok-lah peserta2 dari Sabah, Sarawak dan sa-ramai 19 orang ahli2 Angkasaran dari Universiti Sains Pulau Pinang yang mengikuti kursus seni lakon dan penulisan kreatif. Mereka di-ketuai oleh Dr. Mohammad Ghouse Nasuruddin dan Zainal A. Latif pensharah bidang berkenaan di-universiti tersebut.

Sa-masa mereka berada di-Brunei rombongan tersebut telah mengadakan beberapa persembahan pentas di-Dewan Raya RTB Bandar Seri Begawan dan di-Dewan Kemasharakatan dan Dewan Sekolah Inggeris Perdana Wazir Kuala Belait pada 31hb. Oktober lepas.



SA-BAHAGIAN dari orang2 chachat yang mengambil bahagian dalam Perkampongan Seniman di-kawasan Tasek Lama yang menjadi salah satu achara Perkampongan Sastera '81.

DRAMA

Mereka telah mempersembahkan sa-buah drama berjodol "Salem dan Afsan" dan sa-buah theater kanak2 berjodol "Theater Sang Kanchil" di-samping itu Dr. Mohd. Ghouse dan Zainal A. Latif juga telah menyampaikan cheramah masing2 berjodol "Gabongan Karyawan Dalam Bidang Seni" dan "Drama dan Pendidekan" di-Bilek Kuliah DBP.

Di-samping itu rombongan itu juga berkesempatan melawat ka-beberapa tempat yang menarek di-negeri ini termasok Muzium Brunei. Mereka juga berpeluang beramah mesra dengan sa-orang tokoh penulis tempatan ia-itu dengan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Haji Mohd. Salleh di-rumah beliau yang mana juga seterus-nya memberikan jamuan makan.

Lain2 achara dalam perkampongan ini ia-lah bengkel seni lakon dan bengkel seni tari di-bawah kelolaan Dr. Mohd. Ghouse dan Zainal A. Latif. Satu temasha perhimpunan seniman telah juga di-atorkan di-kawasan Tasek Lama di-ibu negeri pada hari Ahad lepas yang di-isikan dengan berbagai achara hiboran dan pembachaan puisi oleh peserta2 yang mengambil bahagian. Achara kemunchak di-perhimpunan itu ia-lah persembahan dari orang2 chachat yang turut sama mengambil bahagian.

Achara perhimpunan pada hari itu di-khususkan untok mengadakan kutipan derma bagi orang2 chachat. Achara penutopan perkampongan ini telah berlangsong di-rumah Ketua I Asterawani, Awang Sumadi Sukaimi. Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, Pengarah DBP dan peserta2 perkampongan. Achara-nya di-samping pembachaan puisi oleh peserta2, achara bertukar2 chenderamata di-antara Asterawani dan rombongan Angkasaran serta rombongan Anak Seni dari Sabah juga telah di-langsongkan. Achara penutopan dan perpisahan itu di-akhiri dengan bachaan do'a selamat oleh Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Tamat.

Rombongan Angkasaran telah bertolak meninggalkan negeri ini pada hari Isnin lepas dengan kapal laut menuju Labuan dalam perjalanan pulang ka-Pulau Pinang.

## Jualan buku

Dari muka 6

Macmillan, STP Distributors (M) Sendirian Berhad.

Orang ramai yang mengunjongi pesta itu telah di-tawarkan dengan harga potongan istimewa 10% bagi sa-tiap naskah buku. Harga ini telah menarek minat orang ramai untok menyaksikan pesta ini, apa-tah lagi, ia-nya sempena Jubli Perak yang terbesar pernah di-anjorkan di-Sarawak di-mana sa-panjang tiga hari pesta itu kira2 10 ribu orang telah hadhir ka-pesta itu.

Bagaimana pun, DBP Brunei dalam pameran itu tidak menjual buku2 yang di-pamerkan-nya, tetapi telah mengikhsan buku2 tersebut kapada DBP chawangan Sarawak yang menganjorkan pesta buku tersebut.

# PERKASA TEWAS SA-TELAH 14 TAHUN JADI JUARA




BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama (PAPP) telah munchol sa-bagai juara dalam perlawanan sepak takraw perengkat akhir sa-negeri yang telah di-langsongkan di-Dewan Pusat Belia di-sini pada malam Rabu lepas.

Di-perlawanan akhir itu, Pasokan PAPP telah berjaya menewaskan pasokan Persatuan Kampong Saba (PERKASA) yang merupakan johan di-beberapa tahun yang lalu dengan kiraan mata 15-8 dan 15-4.

Dengan kemenangan itu juga, Pasokan PAPP telah berjaya merebut perisai PGGMB yang telah di-menangi oleh Persatuan PERKASA sejak 14 tahun lalu.

## RAGA BULATAN

Sementara tempat ketiga telah di-sandang bersama oleh Pasokan2 Pejabat Letrik dan Hadrah Dewana.

Dalam perlawanan yang sama bagi pasokan2 Daerah Brunei dan Muara tempat pertama dalam Kumpolan I telah di-menangi oleh Pejabat Letrik dan naib johan ia-lah Persatuan KUBU. Manakala dalam Kumpolan II johan telah di-sandang oleh Persatuan PAPP dan naib johan pula jatoh kapada Pejabat Letrik.

Pasokan persatuan KUBU pula telah munchol sabagai juara sepak raga bulatan sa-negeri dengan mengutip 118 mata, kedua pasokan PAPP dengan 84 mata dan ketiga ia-lah Pejabat Letrik dengan memungut 82 mata.

Di-kejohanan pada tahun ini, tiga orang telah di-pileh sa-bagai pemain terbaik dalam bahagian masing2. Mereka ia-lah Awg. Zainal bin Rejab, terbaik dalam bahagian tekong, Md. Said bin Abu Bakar — apit kanan dan Awang Laji bin Haji Ibrahim bahagian apit kiri.

## ACHARA SAMBUTAN

Perlawanan yang di-anjorkan oleh Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) itu ada-lah sa-bagai salah satu achara Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-35 tahun.

Lebeh daripada 25 buah pasokan tempatan di-negeri ini telah mengambil bahagian dalam kejohanan yang telah di-mulakan pada bulan Oktober lepas.

Timbalan Pengerusi, Awang Mokti bin Abdul Ghani ketika memberikan uchapan alu2an di-majlis penyampaian hadiah pada malam itu menjelaskan bahawa PGGMB telah menganjorkan kejohanan ini sejak 20 tahun yang lalu.

## MUTU PERMAINAN

Di-mana kata-nya, mutu permainan sepak takraw khas-nya pemain2 tempatan telah meningkat maju jika di-bandingkan dengan 20 tahun kebelakangan.

Menyentoh mengenai dengan kejohanan pada tahun ini beliau mensifatkan ia-nya sangat menggalakkan yang mana jumlah pasokan2 yang menyertainya dari sa-tahun ka-setahun semakin meningkat.

Tujuan di-adakan kejohanan ini tambah-nya, lagi, ada-lah untok menarek minat pemain2 tempatan untok lebeh bergiat lagi dalam lapangan sokan ini.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Awang Haji Suni bin Haji Idris, Yang Dipertua PGGMB.





YANG Dipertua PGGMB, Awang Haji Suni bin Haji Idris menyampaikan Perisai Kejohanan kapada ketua pasokan PAPP, Md Said bin Bakar (kiri) dan wakil pasokan KUBU yang munchol sa-bagai juara Sepak Raga Bulatan. Sementara gambar bawah kelihatan salah satu perlawanan sedang di-jalankan.



# 14 DI-PILEH SA-BAGAI PEMAIN KEBANGSAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bola Tampar Kebangsaan Negeri Brunei (PBTKNB) telah memileh sa-ramai 14 orang pemain Kebangsaan bagi menghadapi sabarang pertandingan atau kejohanan di-luar negeri.

Mereka ia-lah Awang Lim Kiang Hua, Awang Zaini bin Maidin, Ampuan Damit bin Ampuan Saripuddin, Awang Chai Yin Khiong, Awang Mahadi bin Abd. Latif, Awang Ramlee bin Md. Salleh, Awang Shari bin Haji Lakim, Awg. Tempoh Eray, Awang Abu Bakar bin Kassim, Awg. Hasni bin Jafaruddin, Awang Mapil Luang, Awang Mohammad bin Kanak, Awang Haji Ismail bin Hj. Naim dan Awang Kahar bin Takong.

Timbalan Setiausaha Agong, Awg. Ali Hassan bin Abas menjelaskan bahawa mereka yang di-pileh itu berdasarkan kapada kelakuan dan disiplin yang mereka tunjokkan.

Menurut-nya, besar kemungkinan mereka ini akan di-chalonkan jika sekira-nya PBTKNB di-undang untok menyertai Sokan Asia Tenggara (SEA GAMES) di-Manila awal Disember depan.

Dalam pemilehan ini, kata-nya, sa-ramai 28 orang pemain tempatan di-seluroh negeri telah mengikuti latehan2 asas bola tampar yang bermula pada bulan September lepas.

Latehan2 itu telah di-adakan di-Dewan Gerak Badan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong dan di-Dewan Pusat Belia di-ibu negeri tiga kali dalam sa-minggu.

# Lawatan muhibbah ka-KB

KUALA BELAIT. — Sa-ramai 20 orang ahli Kelab Raidah Mukim Labu, Daerah Temburong telah membuat lawatan muhibbah sa-hari ka-daerah ini pada hari Sabtu lepas.

Rombongan tersebut di-ketuai oleh Setiausaha Agong kelab tersebut, Awg. Abd. Halim bin Abdullah telah menjadi tetamu kapada kakitangan Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan daerah tersebut.

Ketibaan rombongan tersebut telah di-alu2kan oleh Pegawai Kanan Belia dan Sokan, Awang Ismail bin Apong dalam satu upachara di-majlis ramah mesra bertempat di-Dewan Pejabat Kebajikan Belia dan Sokan.

Di-majlis tersebut Setiausaha Agong Majlis Belia2 Daerah Belait, Awang Hassan bin Bakar telah memberikan penerangan rengkas mengenai dengan kegiatan MBDB dan tanggong-jawab-nya kapada ahli2 kerabat-nya serta masharakat di-sekeliling-nya. Kemudian-nya di-ikuti dengan uchapan dari Pengerusi Tetap Kelab Raidah Mukim Labu, Awang Buntar bin Abdullah.

Di-akhir majlis itu, Pegawai Kanan Belia dan Sokan, Awg. Ismail bin Apong telah menyampaikan chenderamata kapada Awang Abd. Halim sa-bagai kenang2an.

Di-sebelah petang-nya, rombongan yang di-ketuai oleh Setiausaha Agong kelab tersebut telah di-bawa melawat ka-Kedai Sharikat Kerjasama Pegawai2 dan Kakitangan Kerajaan daerah itu (SAPAKAT). Ketibaan rombongan di-sharikat itu telah di-alu2kan oleh Pengerusi Sapakat, Abang Haji Abu Hanafiah bin Abang Haji Bujang dan ahli2 Jawatankuasa Sapakat lain2-nya.

Di-samping itu, rombongan tersebut juga mengadakan perlawanan sepak takraw persahabatan dengan pasokan Belia2 Pekan Belait, bertempat di-Gelanggang Permainan Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dengan keputusan seri 1 — 1. Manakala dalam perlawanan bola sepak pula pasokan pelawat telah di-tewaskan oleh pasokan Jabatan Kerja Raya dengan keputusan 4—5.—MHAR.

# *Jawatankuasa penyelenggaraan perlawanan badminton*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa bagi menyelenggarakan perlawanan Badminton bagi merebut oskar sumbangan Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awg. Haji Ahmad bin Haji Jumat telah di-bentok di-satu mashuarat yang telah di-adakan di-Pejabat Pendidekan Jasmani pada hari Sabtu, 24hb. Oktober lepas.

Ahli2 jawatankuasa tersebut ia-lah terdiri dari Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat selaku Penaong. Penasehat-nya di-pegang oleh Penyusun Pendidekan Jasmani, Awang Haji Md. Hussain bin Zainal dan pengawas am-nya terdiri dari Pengiran Ibrahim bin Pengiran Damit, Awang Embran bin Haji Hassan, Awang Haji Tuah bin Nordin dan Awang Mohammad bin Abd. Rahman.

Awang Maidin bin Haji Ahmad di-lantek selaku pengerusi dan timbalan-nya ia-lah Awang Haji Untong bin Abd. Rahman. Manakala setiausaha I — Awang Tuah bin Haji Apong, setiausaha II — Haji Idris bin Haji Damit dan setiausaha III telah di-sandang oleh Pengiran Othman bin Pengiran Damit.

Sementara itu setiausaha kewangan dan hadiah telah di-pegang oleh Awang Abdi Manaf bin Abu Bakar dan Pengiran Johari bin Pengiran Haji Daud. Pengiran Othman bin Pengiran Damit dan Pg. Md. Yassin bin Pengiran Metussin kedua2-nya telah di-lantek selaku pengerusi hakim.

Manakala pengawas perhubongan dan penerangan di-pegang oleh Awang Haji Ahmad bin Arshad dan Awg. Ibrahim bin PISD Haji Johari dan pengawas dewan dan kelengkapan terdiri dari Awang Anuar bin Haji Md. Salleh, Awang Masri bin Haji Abu Bakar, Awang Timbang bin Halim, Haji Ghafar bin Pehin Haji Md. Taha, Awang Judin dan Awang Gibral.

Ada-lah di-fahamkan bahawa perlawanan tersebut di-jangka akan bermula pada pertengahan bulan Nobember sementara perlawanan akhir di-jangka akan di-adakan pada pertengahan bulan Disember depan.

# Bolasepak Lima Sa-Pasokan

JALAN MUARA. — Pasokan Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal telah munchol sa-bagai juara dalam perlawanan akhir bolasepak lima orang sa-pasokan sa-telah berjaya menewaskan Pasokan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dengan jaringan empat gol berbalas dua.

Perlawanan akhir itu telah di-langsongkan di-Padang sekolah tersebut di-sini pada hari Ahad 25hb. Oktober yang lalu.

Sa-banyak 14 buah pasokan sekolah2 menengah dan maktab2 di-negeri ini telah mengambil bahagian dalam perlawanan yang di-anjorkan buat kali ke-empat oleh sekolah tersebut bagi merebut piala Sharikat Balak Bali.

Perlawanan itu di-adakan ada-lah sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan negeri Brunei kali yang ke-35 tahun.

Hadiah2 di-akhir perlawanan telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN RADIO TALIVISHEN BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen, Brunei.

1. PENERBIT :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Sijil Persekolahan atau yang sebanding dengan-nya. Chalon2 yang mempunyai kelayakan2 yang lebeh tinggi boleh juga memohon. Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan2 yang di-perlukan tetapi mempunyai pengalaman yang menchukopi dalam bidang2 yang berkaitan boleh juga di-pertimbangkan. Pembantu2 Penerbitan dan pegawai2 dalam Bahagian Ranchangan yang telah berkhidmat sa-lama lima tahun termasok sekurang2-nya tiga tahun pengalaman dalam penerbitan2 Talivishen atau Filem.

**Tugas2 :**

Bertugas sa-chara langsong kapada Pengurus Penerbitan Ranchangan atau Penerbit Kanan TV sa-bagai Penerbit bagi ranchangan2 minor dan routine, atau di-tugaskan dengan Pegawai Kanan Bahagian Berita atau lain2 bahagian output dengan menjalankan tanggong-jawab bagi ranchangan2 biasa dan routine. Membantu dalam penyelidekan, penyediaan skerip, mengarahkan dan membuat arahan dalam latehan2 dan lain2.

**Tangga Gaji :**

C. 3-4 EB. 5 — $1735-1795-1855-1915 - 1980 - 2035 - 2095-2155-2215 - 2280 / EB / 2335 2395-2455-2515-2580. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENGURUS PENTAS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Lulus Tingkatan Lima aliran Melayu. Chalon2 biasa-nya hendak-lah mempunyai pengalaman menerbit ranchangan2 sandiwara atau pernah bertugas sa-bagai pengurus pentas. Mereka mesti-lah mempunyai minat dalam ranchangan2 sandiwara, drama dan lain2 lagi. Mereka, juga harus mempunyai sifat peramah dan berkebolehan mengawal kumpolan2 orang ramai.

**Tugas2 :**

Mengawal dan mengator para artis dan lain2 di-pentas studio sa-masa dalam lateban dan penerbitan. Membantu penerbitan ranchangan.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 1215-1260-1305 - 1350 - 1395 - 1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PEREKA :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 40 tahun dan boleh bertutor dengan faseh dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Sebaik2-nya mempunyai pengalaman sa-bagai pereka set pentas dan talivishen. Kemahiran dalam semua jenis lukisan grafik serta kebolehan mereka pelan2 bangunan ada-lah penting. Kelulusan Diploma in Art, atau yang sebanding dengan-nya atau sekurang2-nya kelulusan Sijil 'Am Pelajaran akan di-pertimbangkan.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki membuat kerja mereka set untok ranchangan2 talivishen. Mereka mesti-lah bersedia siang malam, hari Jumaat/Ahad dan dengan Bahagian Siaran Luar TV.

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980 Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PENOLONG PENERBIT :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil 'Am Pelajaran Brunei (Perengkat Biasa) atau yang sebanding dengan-nya. Hendak-lah mempunyai minat dalam beberapa aspek ranchangan talivishen saperti sokan, ugama, hal-ehwal pada masa ini, drama hiboran. Perlu mempunyai pengetahuan yang baik tentang Bahasa Melayu serta adat istiadat Brunei. Kemahiran dalam Bahasa Inggeris merupakan suatu kelebehan.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 1215-1260-1035 - 1350 - 1395-1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

5. PEGAWAI PERPUSTAKAAN (FILEM DAN PITA) :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa (aliran Inggeris atau Melayu) atau mempunyai pengalaman sekurang2-nya dua tahun dalam tugas2 Perpustakaan Filem dan Pita. Kebolehan mengator sistem yang mudah dalam membuat indeks dan katalog bagi filem2 dan pita2 ada-lah satu kelebehan.

**Tugas2 :**

Mengendalikan Perpustakaan Filem dan Pita dan membuat laporan tiap2 bulan mengenai keadaan filem2 dan pita yang ada dalam simpanan.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010 - 1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

6. PEGAWAI RANCHANGAN TINGKAT III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

**BAHAGIAN INGGERIS**

Sijil 'Am Pelajaran termasok bahasa Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.

**BAHASA MELAYU**

Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya

**BAHAGIAN CHINA**

Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya, dan Senior Middle Three Chinese.

Satu ujian akan di-adakan untok menentukan kesesuaian chalon2 untok jawatan2 ini.

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

7. PENOLONG PERPUSTAKAAN FILEM :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Berpengalaman dalam kerja2 perpustakaan filem dan pita merupakan satu kelebehan.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya akan bertugas di-bawah penyeliaan Pegawai Perpustakaan Filem dan Pita. Tugas2 jawatan ini termasok-lah menyediakan daftar filem2 dan pita, menchatet butir2 penerimaan dan penghantaran-nya serta membuat lain2 tugas di-dalam bilek perpustakaan saperti yang di-arah.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290.

2. PEGAWAI PERPUSTAKAAN (PIRING HITAM DAN PITA) :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja di-sesebuah perpustakaan piring hitam.

**Tangga Gaji :**

D.1-2-3 EB.4-5 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040 - 1070 - 1105-1140-1175 - 1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Disember, 1981.

(E/18/75)
(Bil : 183/1981)

## Penolong Pegawai menguasai Lalu Lintas Udara

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang mempunyai kelayakan2 yang sesuai yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PENOLONG PEGAWAI YANG MENGUASAI LALU LINTAS UDARA di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Chalon2 mesti-lah (a) mempunyai Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) Brunei Cambridge atau kelayakan yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab atau Fizik, (b) faseh bertutor dan menulis dalam Bahasa Inggeris, (c) berumor antara 18 hingga 25 tahun dan, (d) mempunyai darjah kesehatan yang memenohi sharat2 ICAO bagi Pegawai2 kawalan Terafik Udara. Sa-baik2-nya mempunyai minat dan pengetahuan mengenai hal2 penerbangan. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan atau Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Lanjutan).

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.

Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Peluang Kenaikan Pangkat :**

Chalon2 yang berjaya akan di-lantek mula2 dalam perchubaan sa-lama tiga tahun dan di-kehendaki lulus pepereksaan jabatan sa-belum di-tetapkan dalam jawatan mereka dalam perjawatan tetap. Peluang yang baik terbuka kapada mereka untok di-naikkan pangkat ka-perengkat Pegawai Pengawal Lalu Lintas Udara yang akan meliputi latehan seberang laut dan latehan penerbangan sa-bagai juruterbang hingga ka-perengkat Private Pilot Licence.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 3hb Disember, 1981.

(E/868/72 — Bil: 184/1981)

## Sa-bagai Penjaga Keselamatan Gudang

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai PENJAGA KESELAMATAN GUDANG di-Pejabat Pelabohan2, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor lebeh dari 25 tahun atau mempunyai perwatakan dewasa, penglihatan dan pendengaran yang baik ada-lah di-utamakan.
b) Pemohon2 mesti-lah dalam darjah enam Sekolah Melayu dan berpengetahuan dalam Bahasa Inggeris.
c) Pengalaman yang lalu sa-bagai Penjaga atau Penjaga Keselamatan atau sa-seorang yang mempunyai latar-belakang dalam kerja keselamatan dengan pehak Pulis atau Tentera ada-lah di-utamakan.

**Tugas2 :**

a) Tugas2 sa-bagai Penjaga ada-lah termasok 24 jam sa-hari bergilir2, dan
b) Memereksa orang ramai, kenderaan2 dan barang2 yang masok/keluar dari kawasan gudang.

**Tangga Gaji :**

F. 3-4 EB. 5—$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 2hb Disember, 1981.

(E/8/78 — Bil : 178/1981)

## Di-dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek ka-jawatan2 yang berikut di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

a) Jawatan: TUKANG KEBUN: (Jabatan2 Perubatan, Ugama dan Daerah Kuala Belait).

**Tangga Gaji :**

F. 1-2-3 EB. 4 — $350-360-370-380-390-400-410-420-430 - 440-450-460-470/EB/490-500-510-520.

b) Jawatan: BUROH: (Jabatan Perpindahan).

**Tangga Gaji :**

F.1-2 EB.3 — $350-360-370-380-390-400-410-420/EB/430-440-450-460-470.

c) Jawatan: PENJAGA: (Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan):

**Tangga Gaji :**

F.1-2 EB.3 — $350-360-370-380-390-400-410-420/EB/430-440-450-460-470.

**Kelayakan2 dan Pengalaman**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 tahun.
b) Hendak-lah tahu menulis dan membacha.
c) Pemohon2 yang berumor lebeh daripada 45 tahun dan mereka yang telah bersara boleh juga memohon untok di-pertimbangkan.
d) Pemohon2 yang tinggal di-kawasan2 yang berdekatan dan pernah bekerja sa-chara bergaji hari ada-lah di-utamakan.

**'Am-nya :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa atau bekerja sa-chara bergilir2 (shift). Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bertugas di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb Nobember, 1981.

(E/448/72—Bil: 171/1981)

## Brunei Shell Petroleum Co, Ltd.

## INVITATION TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. **TENDER No. SES/75/81**
   **CATEGORIES 4 & 32**
   The Revamp of Existing Culvert at Gadong Gas Metering Station.

2. **TENDER No. SES/209/81**
   **CATEGORY 35B**
   The provision of Manpower for the General and Routine Maintenance, Repairing, Construction and Installation Services for SES/35 in the Field and Workshop.

3. **TENDER No. SES/227/81**
   **CATEGORIES 2, 16 & 32**
   Construction, Painting and Insulation Work on Depropanizer Column (C5) Pump House and Associated New Process Lines in Gas Plant.

4. **TENDER No. LEN/255/81**
   **CATEGORIES 3 & 4**
   Civil Maintenance and Repair Service for Industrial Buildings, Offices, Paving, Fences and Structures at the BLNG Plant.

5. **TENDER No. LOS/230/81**
   **CATEGORIES 5, 24 & 23**
   Grass cutting within BLNG Plant.
   Specification No. 003/82.

6. **TENDER No. LOS/231/81**
   **CATEGORIES 5, 24, 23**
   Weed/Grass Pulling/Chemical Spraying within BLNG Plant, the Perimeter Fence and the Road from the Junction of "Jalan Lumut" to BLNG Main Gate (Not Covered by Grass Cutting).
   Specification No. 004/82.

7. **TENDER No. LOS/232/81**
   **CATEGORIES 5, 24, 23**
   1. Badas Track (3 Projects as per Specification No. 005/82)
   2. Grass Cutting Outside BLNG Perimeter Fence. Specification No. 005/82.

8. **TENDER No. LEN/267/81**
   **CATEGORY 4 OR 5 OR 7**
   Dig a Cable Trench from Control Room to New Instrument Air-Compressors and Lay Multi-Cor-cable along the Trench.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Bandaran, Lembaga Bandaran Kuala Belait, Brunei.

1. PEMEREKSA BANGUNAN KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan dari Institut Teknoloji Mara atau mempunyai kelulusan yang sebanding saperti Sijil City and Guilds dalam Kejuruteraan Bangunan atau Kejuruteraan Awam.

ATAU

Mereka yang mempunyai pengalaman yang sesuai dalam bidang kejuruteraan Bangunan atau kejuruteraan awam sekurang2-nya sa-lama lima tahun boleh juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**
C. 2 EB. 3 — B$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615 - 1685 / E B / 1735-1795-1855-1915-1980.

2. PEMEREKSA BANGUNAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya.
b) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebeh dari 35 tahun.
c) Hendak-lah tahu dan mempunyai kebolehan dalam membacha peta bangunan serta boleh menyediakan laporan2 mengenai hal bangunan.
d) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-(a) di-atas tetapi telah berkhidmat tidak kurang 3 tahun dalam pekerjaan pemeliharaan bangunan serta mempunyai pengalaman khas-nya dalam bidang pemereksaan bangunan boleh di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**
D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290.

3. PENGAWAS KECHIL :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai pengalaman mengawas dan mengawal pekerja2 buroh akan juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

4. TRADESMAN TINGKAT I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai mekinik engin2 yang menggunakan minyak petrol.

**Tangga Gaji :**
E.1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

5. MANDOR :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu atau sebanding dengan-nya.
b) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya lima tahun dan mempunyai pengalaman mengawas pekerja2 buroh.

**Tangga Gaji :**
F. 2-3-4 EB. 5 — $390-400-410-420-430-440-450-460-470 - 490-500-510-520/EB/530-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Nobember, 1981.

(E/1689/81)

(Bil : 179/1981)

## Sa-bagai Jurutera Laut

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai JURUTERA LAUT di-Chawangan Laut, Pasokan Polis Diraja Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Jurutera berkanun, dan mempunyai Certificate of Competancy sa-bagai First Class Engineer yang di-keluarkan oleh Board of Trade atau kelulusan yasg sebanding. Hendak-lah mempunyai pengetahuan luas dalam kerja2 benaan bot, membaiki kapal dan pengalaman mengawal kakitangan2 teknikal.

**Tangga Gaji :**
B. 2 EB. 3 — B$1975-2050 - 2125-2205-2285 - 2365 - 2445 - 2525-2610-2690 - 2775 - 2870 - 2965-3070-3175 - 3280 / E B / 3350-3445-3540-3640.

**Sharat2 Lantekan :**
Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb Disember, 1981.

(E/179/78)

(Bil : 175/1981)

## Di-AMDB ( Angkatan Laut Muara )

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Askar Melayu Diraja Brunei (Angkatan Laut, Muara).

1. JURUTERA LAUT :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Chalon2 hendak-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun dan mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama dua tahun bekerja sa-bagai Jurutera Laut.

**Tangga Gaji :**
E. 3 EB. 4 — $530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

2. TUKANG LETRIK LAUT :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Chalon2 yang berumor antara 20 hingga 45 tahun hendak-lah mempunyai pengalaman dalam pekerjaan yang berkenaan sa-lama sekurang2-nya dua tahun.

**Tangga Gaji :**
E. 3 EB. 4 — $530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

3. TUKANG MESIN MOTOR SANGKUT :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Chalon2 yang berumor antara 20 hingga 45 tahun hendak-lah mempunyai sekurang2-nya dua tahun pengalaman dalam kerja2 membaiki dan menyelenggara injin2 motor sangkut.

Chalon2 hendak-lah memboktikan kebolehan mereka sa-bagai Mekanik Motor Sangkut.

Chalon2 yang berjaya ada-lah juga di-kehendaki memandu motor sangkut.

**Tangga Gaji :**
E. 3 EB. 4 — $530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

4. PEMBUAT KAPAL :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Chalon2 hendak-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun. Mereka hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman dalam kerja2 pertukangan kayu dan membuat kapal/perahu.

Mesti-lah mempunyai pengetahuan yang baik mengenai jenis2 kayu yang di-perlukan untok membuat dan membaiki perahu.

Mesti-lah chekap menggunakan alat2 perkakas berkuasa letrik.

**Tangga Gaji :**
E. 2-3 EB. 4—$470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

5. TUKANG CHAT (LAUT) :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Chalon2 hendak-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun dan mempunyai pengalaman dalam kerja2 mengechat (spray painting) sekurang2-nya sa-lama dua tahun.

**Tangga Gaji :**
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Nobember, 1981.

(E/1295/81)

(Bil : 170/1981)

## Tukang Kayu

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai TUKANG KAYU di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman sa-bagai Tukang Kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebeh rendah tetapi mempunyai beberapa tahun pengalaman sa-bagai Tukang Kayu akan juga di-pertimbangkan.

Pemohon2 mesti-lah boleh :
a) Menyediakan pelan2 yang senang dan rengkas serta membuat kerja2 itu.
b) Menyediakan taksiran kayu, dan barang2 yang di-perlukan untok (a) di-atas.

**Tangga Gaji :**
E. 2-3 EB. 4—$470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Nobember, 1981.

(E/149/74)

(Bil : 181/1981)

## Sa-bagai Pembantu Penyelidek

JAWATAN KOSONG SA-BAGAI PEMBANTU PENYELIDEK DI-PEJABAT PERJAWATAN, BRUNEI

(a) Nama Jawatan :
Pembantu Penyelidek.

(b) Kadar gaji :
$20.00 sa-hari.

(c) Kelayakan :
Mempunyai kelulusan sekurang2-nya Sijil Am Pelajaran (Perengkat Biasa) dan dapat menguasai dua bahasa (Bahasa Melayu dan Inggeris).

(d) Chalon2 :
Pemohon2 mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Pendudok Tetap di-negeri ini.

(e) Pemohon2 yang berjaya akan di-tempatkan di-Bahagian Penyelidekan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

(f) Pemohon2 ada-lah di-minta untok mendaftar di-Bahagian Pusat Pekerjaan, Pejabat Buroh, Bandar Seri Begawan dan menghantar permohonan mereka ka-Pusat ini tidak lewat dari 20hb Nobember, 1981.

## AGRICULTURE DEPT TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following to the Department of Agriculture:—

a) 6 units Massey Ferguson Tractors 275 with optional equipment.
b) 4 units Massey Ferguson Tractors 240 with optional equipment.

Details informations are available from Agriculture Officer (Engineering) at Kilanas Workshop, Mile 9 Jalan Tutong (Tel. 61-352/3/4).

Tenders should be submitted under plain sealed cover marked "DEPARTMENT OF AGRICULTURE — TRACTORS CONFIDENTIAL" to the Chairman, Tenders Board, Brunei, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Thursday 12th November, 1981.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### TENDER No. 11/181

RATTAN FURNITURE

| | | |
|---|---|---|
| a. | Easy Chair Rattan Cane Without Cushion | 50 |
| b. | Settee Rattan Cane Without Cushion | 16 |
| c. | Bar Stools with Cushion | 6 |
| d. | Occ Table Small Cane With Formica | 50 |
| e. | Occ Large Table Rattan Cane With White Formica Top | 16 |
| f. | Table Small Cane | 11 |
| g. | Table Occ Cane Large with Glass Top | 3 |
| h. | Chair Easy Cane | 102 |
| i. | Table Sun Umbrellas Combined | 14 |

1. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 4.00 p.m. Saturday 21st November, 1981.

2. Enquires on specification can be obtained from DAQMG 2, Office, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during working hours.

4. The successful tenderer is reminded that the item tendered is subject for Custom Duty.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 12/1981

1. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board, Brunei up to 4.00 p.m. Saturday, 21st November, 1981.

SUPPLY OF GENERAL STORE TO RBMR.

2. Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Gadriron.

### TENDER No. 13/1981

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Brunei up to 4.00 p.m. Saturday, 21st November, 1981 for :—

SUPPLY OF MARINE PAINT AND SILICON COPPER TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

2. Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICE

SERIAL No. 74/1981
AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Class A, B and C air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 24th November, 1981.

AIR CONDITION INSTALLATION CONVERSION OF TELEPHONE EQUIPMENT ROOM TO DIPLOMATIC OFFICES

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation for Conversion of Telephone Equipment Room to Diplomatic Offices.
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## STATE STORES AND SUPPLIES DEPT. TENDER NOTICE

No. 76/81

TENDER will be received by the Chairman Tenders Board at the office of State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Tuesday, 24th November, 1981 for the supply and delivery to the State Stores and Supplies Department, Brunei of MOTOR VEHICLES TYRES AND TUBES (various sizes).

Details regarding the requirement and other particulars are available from the office of The Controller of Government Stores, Jalan Gadong, Brunei.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-jemput bagi menyediakan PAKAIAN SERAGAM (UNIFORM) bagi 80 Orang Perempuan dan 4 Orang Lelaki Atendan Luar dan 4 Orang Pengawas Letak Kereta di-Lembaga Bandaran, Kuala Belait dan Seria.

Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah Bangunan Pejabat2, Bandar Seri Begawan sa-hingga jam 4.00 petang pada hari Isnin 30hb Nobember 1981. Tawaran yang di-terima sa-lepas tarikh tersebut akan di-tolak.

Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat yang bertutop. Di-muka sampol itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan nama penawar.

Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-sampol surat itu dan perkataan-nya mesti-lah "MENYEDIAKAN PAKAIAN SERAGAM DI-PEJABAT LEMBAGA BANDARAN, KUALA BELAIT DAN SERIA." Tawaran yang di-terima dalam sampol surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

Mengenai dengan jenis kain pakaian seragam, penawar2 boleh-lah datang ka-Pejabat Bandaran, Kuala Belait pada bila2 masa bekerja sa-belum mengemukakan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah atau sebarang tawaran.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek ka-jawatan2 yang berikut di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

1. Jawatan: PEMANDU TINGKAT KHAS (Jabatan Pertanian).

**Tangga Gaji :**

E.2-3 EB.4 — $470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membacha.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sa-bagai pemandu sekurang2-nya sa-lama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sa-bagai pemandu Tingkat I.

c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu serta boleh membaiki kerosakan2 kechil.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan ada-lah merupakan satu kelebehan.

2. Jawatan: PEMANDU TINGKAT II: (Jabatan2 Letrik, Pertanian dan Daerah Temburong).

**Tangga Gaji :**

F. 3-4 EB.5 — $430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 tahun serta boleh membacha dan menulis.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah serta tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu serta boleh membaiki kerosakan2 kechil.

3. Jawatan: PEMANDU KERETA: (Jabatan Kehutanan).

**Tangga Gaji :**

F. 3-4 EB.5 — $430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 40 tahun dan hendak-lah tahu menulis dan membacha dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas II ada-lah merupakan satu kelebehan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa atau bekerja sa-chara bergilir2 (shift). Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bertugas di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb Nobember, 1981.

(E/419/73 — Bil: 173/1981)

### TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, November 24, 1981 for the Construction and Completion of :

CLERKS AND SIGNALS TRAINING WING AT PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI.

2. Tender Documents can be examined at and obtained only from Wednesday, November 4, 1981 onwards during normal office hours from the office of the Architects :

Singapore Associate Architects<br>
Unit 1,<br>
Block E, 1st Floor<br>
Jefri Bolkiah Building<br>
Seri Complex<br>
Mile 1½, Jalan Tutong<br>
Bandar Seri Begawan<br>
Brunei.

3. No tender drawings and documents will be issued after 4.30 pm on November 17, 1981.

4. Prior to the issue of the Tender Documents, all tenderers are required to :

4.1 produce documentary evidence of their P.W.D. registration status

4.2 produce a letter from his bank (the said bank being a well-known and stable bank)' stating that in the event of his tender being accepetd the said bank will furnish him with a Banker's Guarantee (in the sum of approximately $900,000.00) in accordance with the Conditions of Contract.

5. The Tender Deposit required is $5,000.00 (Dollars Five Thousand Only) which is in the form of a bank draft and shall be made payable to the Architects. The deposit is refundable to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all Tender Document in good condition to the office of the Architects.

The Tender Deposit will be FORFEITED from any tenderer who fails to submit a tender or fails to submit a bona fide tender or fails to return the Tender Documents to the Architects' Office before the closing date.

The Tender Deposit will NOT be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project vote.

6. Tenders shall be submitted on the Form of Tender provided.

7. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope bearing no indication of the name of tenderer, and the said envelope shall be marked clearly :

"TENDER FOR THE CONSTRUCTION AND COMPLETION OF CLERKS AND SIGNALS TRAINING WING AT PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI"

8. Tenders are to be submitted and must reach the office of :

The Chairman<br>
Tenders Board<br>
Secretariat Building<br>
Bandar Seri Begawan<br>
Brunei

not later than 12.00 noon on Tuesday November 24, 1981. Tenders received after the above stipulated closing time and date will be rejected.

9. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SA-BAGAI KERANI KODING

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai KERANI KODING di-Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Sekurang2-nya lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai kechenderongan dengan angka2.

b) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 Perangkaan ia-itu memperoses data2 statistik bagi kegunaan Komputer.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb Nobember, 1981.

(E/1644/81 — Bil : 172/1981)

### PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

**No. 160 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 17th November, 1981 for:—

CONSTRUCTION OF A RESIDENCE FOR THE DISTRICT OFFICER TUTONG AT OFF JALAN PENGIRAN HAJI AHMAD, TUTONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 161 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei, up to 12 noon on 17th November, 1981 for:—

EXTENSION, ALTERATION AND IMPROVEMENTS TO THE EXISTING HEALTH CLINIC AT JALAN GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 162 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 24th November, 1981 for : —

EGTENSION, RENOVATION AND EXTERNAL IMPROVEMENTS TO THE EXISTING HEALTH CLINIC AT KAMPONG BUNUT, JALAN TUTONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 163 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 24th November, 1981 for : —

EXTENSION, RENOVATION AND EXTERNAL IMPROVEMENTS TO THE EXISTING HEALTH CLINIC AT KAMPONG SERASA, MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 164 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 24th November, 1981 for : —

PROPOSED REINFORCED CONCRETE LANDING AND REMEDIAL WORKS TO EXISTING GABION RETAINING WALL AT MAKAM DIRAJA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 165 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 24th November, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF CANOPY ROOF, EXTENSION OF STORE AND RE-LOCATION OF WATER TUB AT B.S.B. FIRE STATION, MILE ¾, JALAN TUTONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 166 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 24th November, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF 3 BLOCKS JUNIOR CLASS 'F' FLATS FOR RELIGIOUS SCHOOL AT KAMPONG SERUSOP, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 167 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 24th November, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF MOSQUE FOR KAMPONG PUTAT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## SA-BAGAI PENJAGA ASRAMA

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PENJAGA ASRAMA (LELAKI) di-Jabatan Pertanian, Brunei.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pelajaran menengah hingga ka-taraf Tingkatan V dan hendak-lah sa-baik2-nya mempunyai pengalaman dalam penyeliaan dan pengurusan asrama termasok pengalaman dalam hal2 masakan Melayu. Keutamaan akan di-berikan kapada mereka yang mempunyai pengetahuan Bahasa Inggeris dan yang lulus Sijil Persekolahan Cambridge atau yang sebanding dengan-nya.

**Umor :**

Antara 30 dan 45 tahun.

**Tugas2 :**

a) Pengawasan semua kakitangan asrama (termasok Penuntut2 Asrama, Tukang Masak dan Tukang2 Chuchi dan yang lain2).

b) Penyeliaan dalam hal2 pembelian dan pemereksaan barang2 pembekalan, penyediaan menu dan permakanan.

c) Mengawas hal2 pemeliharaan bangunan asrama dan sekolah dan dapor asrama.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Nobember, 1981.

(E/752/79 — Bil: 174/1981)

## Tukang Kayu di-Radio Talivishen

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai TUKANG KAYU di-Radio Talivishen, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Tukang Kayu dari sa-sebuah Sekolah Pertukangan. Pemohon2 yang tidak mempunyai sa-suatu sijil tukang kayu tetapi mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kerja2 pertukangan tangan dan menggunakan mesin2 membuat benda2 kayu akan juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175 Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Nobember, 1981.

(E/470/76 Bil : 180/1981)

### TENDER NOTICE

**RETENDER FOR COLDROOM INSTALLATION TO PROPOSED FLIGHT KITCHEN EXTENSION AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT**

REGISTERED Class 'B' and above Air Conditioning Contractor and Coldroom Specialist Contractor are invited to submit tender for the complete supply and installation of Coldroom to Proposed Flight Kitchen Extension at Brunei International Airport.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 and 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1¼ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 4th November, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form together with the Bills of Quantities and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 24th Nov., 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked : — RETENDER FOR COLDROOM INSTALATION TO PROPOSED FLIGHT KITCHEN EXTENSION AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

# SOAL KERAAYATAN TIDAK PERLU DI-BANGKITKAN

**Oleh : Ja'afar Ibrahim**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menegaskan bahawa soal2 keraayatan di-kalangan orang2 China dan orang2 asing di-negeri ini tidak sepatut-nya berbangkit.

Kerana kata-nya, ia-nya telah di-tetapkan oleh undang2 yang mana bergantong kapada orang yang hendak menjadi raayat bagi memenohi sharat2 dalam peruntokan undang2 itu dan bukan sebalek-nya menuntut atau meminta sharat2 itu di-ubah atau di-longgarkan.

DI-TERIMA BAIK

Menegaskan demikian ketika beruchap di-majlis taklimat yang di-sertai oleh sa-ramai lebeh 40 orang Masharakat China di-sini pada hari Sabtu lepas, Awang Haji Badaruddin menambahkata bahawa ketetapan perlembagaan dalam perkara2 ugama, kuasa memerentah, bahasa dan juga ketetapan undang2 mengenai keraayatan itu telah di-terima dengan baik-nya oleh majoriti raayat negeri ini.

Menurut Ketua Pegawai Penerangan itu, ketetapan sa-umpama itu ada-lah sangat berpatutan dengan keadaan dan kedudokan Brunei.

"Ada-lah di-harapkan orang2 China di-negeri ini akan sama2 menerima ketetapan tersebut dengan membuangkan sa-barang prasangka sebab ketetapan perlembagaan dan undang2 yang berkenaan itu belum pernah menggugat kepentingan2 serta hak2 mereka sa-bagai raayat dan pendudok yang sama bernaong di-bawah panji2 kesultanan Brunei," kata-nya lagi.



Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin.

Menurut Ketua Pegawai Penerangan, bahawa sejak Undang2 Taraf Kebangsaan Negeri Brunei di-kuatkuasakan mulai 1hb Januari 1962 sa-ramai lebeh 21,000 orang telah di-beri keraayatan yang mana kata-nya ini tidak termasok anak2 mereka.

Dalam kira2 tiga bulan menjelang permashoran Perlembagaan itu, Brunei kata-nya, telah mengeluarkan lebeh 11,000 'resident permit' kapada orang2 yang tinggal di-negeri ini sa-lama tujoh tahun dalam tempoh 10 tahun yang mana menurut-nya lebeh sa-paroh dari jumlah tersebut telah di-batalkan kerana telah di-berikan taraf keraayatan yang majoriti-nya ia-lah orang2 China.

Mengenai kemasokan orang2 asing pula dalam masa lebeh 20 tahun sejak 1958, Awang Haji Badaruddin seterus-nya menjelaskan bahawa pehak berkuasa telah mengeluarkan lebeh 3,000 'entry permit' majoriti-nya kapada orang2 China dan kata-nya lagi jika di-kira hitongan nyawa ia-lah berjumlah kira2 15,000 orang.



Pengiran Anak Puteh.

## Hadhiri sidang di-Amerika

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Protokol di-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Pengiran Anak Puteh ibni YTM Pengiran Pemancha Pengiran Muda Haji Mohd. Alam kini sedang berada di-Amerika Sharikat untok menghadhiri persidangan tiga hari ASEAN — "Today and Tomorrow" yang bermula hari ini hingga 13hb Nobember, 1981.

Persidangan tersebut di-adakan di-The Fletcher School, Turfs University Metford, Massachusetts dan ia-nya di-kendalikan oleh The Fletcher School of Law and Diplomacy and the Council on Foreign Relations.

## Umat Islam hendak-lah memperkuat asas pendidekan

Dari muka 1

"Dan hendak-lah juga ada pada mereka sifat2 mendokong kebenaran, benar pada perkataan, benar pada perbuatan dan keolahan dan jangan-lah lain di-mulut lain di-hati kerana sifat2 sa-demikian hampir-hampir kapada orang2 munafik," kata Yang Berhormat.

TAKWA

Beruchap di-majlis pembukaan Masjid Pehin Datu Imam Haji Abd. Mo'ti, Kampong Burong Pingai Ayer di-sini pada hari Juma'at lepas, Yang Berhormat seterus-nya berkata bahawa sa-lagi orang2 Islam benar2 bersifat takwa kapada Allah dan bersifat benar dan jujor maka jenerasi kita yang akan datang Insha Allah tidak akan hidup melarat dan menderita.

Menurut Yang Berhormat, sifat takwa itu pula boleh memainkan peranan yang berbagai-bagai segi salah satu daripada-nya baik kita perhatikan firman Allah yang bermaksud: "Dan hendak-lah mereka itu takut kalau2 mereka itu meninggalkan di-belakang mereka anak chuchu yang lemah2 yang mereka khuatirkan terhadap kesejahteraan mereka oleh itu hendak-lah mereka bertakwa kapada Allah dan hendak-lah mereka menguchapkan perkataan yang benar."

Ayat tersebut tambah Yang Berhormat, memberi peringatan kapada kita supaya kita berusaha jangan sampai meninggalkan anak2 chuchu kita dalam keadaan lemah, miskin dan menderita.

Bagi menyuroh perkara2 sa-demikian, kata Yang Berhormat itu lagi, maka usaha2 yang di-dorong oleh sa-genap pehak hendak-lah di-buat khas-nya pada memperkuatkan asas2 pendidekan yang sa-penoh dan berkesan melalui sekolah2 dan masjid2.

BERPENGETAHUAN

Berhubong dengan keadaan negara sekarang yang penoh chabaran, Yang Berhormat itu menambah kata, bahawa Brunei perlu di-dokong dengan seikhlas2-nya oleh tenaga raayat yang sedar, tegas, berpengalaman, berpengetahuan serta beriman kapada Allah bagi menchapai, menyempurna dan membentok masharakat yang kukoh dan bersatu padu serta makmor sa-tiap masa.

Yang Mana, menurut Yang Berhormat, kita perlu mempunyai sifat2 yang di-antara-nya ingin menjadikan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap dan sempurna di-negeri ini.

Masjid yang baru di-rasmikan itu menelan belanja kira2 $100,000 dan telah siap sempurna pada bulan Jun lalu sementara kerja2 tambahan pembesaran-nya telah selesai dalam bulan Oktober lepas.

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz, Pengawal Kastam dan Eksais, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar dan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid, Kadhi Besar Brunei serta pegawai2 kanan kerajaan yang lain.

Majlis pada pagi itu di-ikuti dengan sembahyang fardhu Jumaat berjemaah dengan di-imamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail, Mufti Kerajaan sementara khutbah Jumaat di-bachakan oleh Awang Haji Aziz bin Juned.

## 124 orang lagi rekrut AMDB tamat latehan

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Sa-ramai 124 orang rekrut pengambilan ke-54 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah menamatkan latehan mereka, dalam satu Upachara Perbarisan Tamat Latehan yang telah di-adakan pada hari Jumaat, 6hb Nobember lalu, bertempat di-Padang Kawad Pusat Latehan Tentera di-sini.

Di-berikan penghormatan bagi menerima tabek kehorhormatan dan seterus-nya memereksa perbarisan pagi itu ia-lah Leftenan Kolonel I. M. Fraser.

Beruchap di-upachara itu, Leftenan Kolonel I. M. Fraser antara lain telah berkata bahawa Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei mempunyai satu tanggong-jawab yang amat berat dalam menjaga keselamatan negara, yang mana pasokan tersebut telah di-beri keperchayaan yang amat besar dan berpanjangan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan serta raayat Baginda.

Tanggong-jawab tersebut, menurut-nya, bukan-lah tanggong-jawab sa-chara individu tetapi ada-lah tanggong-jawab bersama sa-bagai satu pasokan yang akan dapat memusnahkan sa-barang anchaman kapada keselamatan negeri Brunei.

Maka untok itu, walau apa yang menahan mereka dan dalam keadaan apa sekali pun anggota2 tersebut mesti-lah mengetahui yang mereka ada-lah sa-bahagian dari satu pasokan yang punya tanggong-jawab untok di-selesaikan ia-itu mempertahankan negeri Brunei.

Lt. Kolonel I. M. Fraser seterus-nya mengingatkan supaya anggota2 tersebut akan terus mempelajari chara2 bekerja dengan tekun dan tetap bersatu dengan pasokan2 di-mana mereka akan di-tempatkan.

Pengambilan yang terbesar sekali pernah di-adakan di-sini telah memulakan latehan asas mereka sa-lama enam bulan bermula pada 4hb Mei tahun ini, dalam jangka mana mereka telah mempelajari berbagai2 kemahiran dari menembak hingga-lah ka-perihal kehidupan dalam hutan.

Empat orang rekrut telah terpileh sa-bagai rekrut terbaik sa-lama dalam latehan. Rekrut Terbaik ia-lah 6862 Rekrut Saparudin bin Abidin, Penembak M16 Terbaik di-sandang oleh 6909 Rekrut Kulit bin Sitim, sementara 6911 Rekrut Harris bin Haji Ahad terpileh sa-bagai Penembak HBAR Terbaik manakala 6946 Rekrut Salleh bin Besar terbaik dalam Latehan Jasmani.

Sementara itu, empat orang rekrut pengambilan ke-54 telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Kadet. Mereka ia-lah 6894 Rekrut Awang Ahmad bin Awg Salleh, 6944 Rekrut Suhaimi bin Hashim, 6969 Rekrut Mazlan bin Awg Tengah dan 6977 Rekrut Ak. Abbas bin Pg Haji Othman. Manakala Jurulateh Terbaik bagi pengambilan ke-54 ia-lah 4858 Kpl Awang Ramli bin Metussin.



Lt. Kol. I. M. Fraser menyampaikan hadiah kapada rekrut terbaik keselurohan, Rekrut 6862 Saparudin bin Abidin.

## *MPSHB sambut Jubli Perak*

GADONG.— Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah akan menyambut ulang tahun jubli peraknya sa-lama tiga hari bulan depan.

Perayaan yang bermula 12hb Disember itu akan mengandongi beberapa achara termasok-lah pameran dari tiap2 jabatan di-maktab tersebut, sokan dan permainan, seminar pendidekan, persembahan malam budaya dan beberapa peraduan yang terbuka kapada penuntut2 dan bekas penuntut maktab tersebut.

Kemunchak dari perayaan itu ia-lah penyampaian sijil kapada 138 orang lepasan maktab tersebut. Sijil2 tersebut akan di-sampaikan oleh Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa pada 12hb Disember.

## *Peraduan 'MUTIKA' 1982*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Radio Talivishen Brunei sekali lagi akan menganjorkan peraduan nyanyian MUTIKA 1982. Ini ada-lah kali ke-enam RTB menganjorkan peraduan tersebut yang bertujuan untok menchari dan memperkenalkan bakat2 baru dalam seni suara.

Peraduan ini akan di-adakan sa-chara berperengkat2 dan pemilehan awal di-jangka akan di-mulakan pada pertengahan bulan Disember depan.

Borang2 dan sharat2 penyertaan boleh di-dapati dari Radio Talivishen Brunei Bandar Seri Begawan. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada Penerbit MUTIKA 82 Bahagian Hiboran TV Tingkat 3, Radio Talivishen Brunei, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari hari Sabtu 28hb Nobember, 1981.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.